



MABAHITH FI ULUM AL-QURAN (BAHAGIAN 2)

OBJEKTIF KURSUS KESELURUHAN:

- a) **Menerangkan Konsep Amthal dalam Quran:**
Peserta kursus akan diperkenalkan dengan apa itu amthal secara ilmiah, keistimewaannya serta menghayati fungsi dan faedah Ayat Perumpamaan dan kesannya kepada manusia.
- b) **Pemahaman Mengenai Qasam Al-Quran:**
Memperoleh pengetahuan tentang definisi ini berserta perincian mengenainya seperti tiga elemen penting di dalamnya, iaitu Adat Qasam, Muqsam Bih dan Muqsam 'Alaih berserta contoh-contohnya.
- c) **Menerokai ilmu Jadal Al-Quran:** Memahami konsep Jadal menurut pendapat para ulama serta memahami konsep Al-Jadal, Al-Munazarah dan Al-Mukabarah serta metod perdebatan yang digunakan.
- d) **Memahami Terjemahan Al-Quran:**
Pendedahan secara terperinci berkenaan terjemah, mengidentifikasi terjemahan secara harfiah dan tafsiriyah serta perbahasan para ulama mengenai hukum membaca terjemahan dalam solat.
- e) **Mendalami Apa Itu Tafsir dan Takwil:**
Memahami konsep kedua-dua elemen ini serta pembahagiannya dan membezakan konsep tafsir dan takwil melalui penjelasan menerusi ayat al-Quran.

SESI PERTAMA

AMTHAL (PERUMPAMAAN) DALAM AL-QURAN

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta akan memperoleh kefahaman tentang Amthal Quran, keistimewaan Amthal Quran serta beberapa jenisnya dan menghayati fungsi dan faedah ayat perumpamaan dan kesannya kepada manusia.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Definisi Amthal Quran menurut para ulama'
- Mithal dalam Sastera
- Jenis Amthal dalam al-Quran
- Fungsi dan Faedah Ayat Perumpamaan

SESI PERTAMA: AMTHAL (PERUMPAMAAN) DALAM AL-QURAN

PENDAHULUAN

Firman Allah SWT:

وَلَقَدْ ضَرَبْنَا لِلنَّاسِ فِي هَذَا الْقُرْآنِ مِنْ كُلِّ مَثَلٍ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ

Maksudnya: *“Dan demi sesungguhnya! Kami telah mengemukakan kepada umat manusia berbagai-bagai misal perbandingan di dalam Al-Quran ini supaya mereka mengambil peringatan dan pelajaran.”*

(Surah az-Zumar, ayat 27)

Ayat di atas menjelaskan berkenaan salah satu kehebatan al-Quran, yaitu keindahan bahasanya yang diungkapkan melalui ayat-ayat permisalan. Kata mathal tidak hanya berarti permisalan, bahkan memiliki banyak erti, antaranya keadaan, persamaan, pengajaran, sifat, contoh teladan dan tandingan. Keindahan makna serta corak penyampaian ayat-ayat tersebut akan memberi kesan yang mendalam kepada minda dan jiwa pendengar dan pembaca. Al-Quran menyeru manusia untuk merenung dan memikirkan ayat-ayat permisalan sebagai peringatan bagi mereka.

DEFINISI AMTHAL

Amthal (الأمثال) ialah kalimah berbentuk jamak (*plural*) daripada perkataan asalnya, iaitu al-Misl (المثل) membawa maksud **“seperti”** atau **“umpama”**, iaitu mathal.

Menurut Sheikh Manna al-Qattan, kalimah mathal, mithl dan mathil seerti dan sama makna secara zahirnya dengan kalimah syabah, syibh dan syabih akan tetapi berbeza pada hakikatnya.

Menurutnya lagi, Mathal di dalam al-Quran ialah: *Ungkapan suatu makna dalam bentuk yang indah, ringkas dan memberi kesan di dalam jiwa sama ada kalimah itu dalam bentuk tasybih (perumpamaan) atau ungkapan bebas.*

‘Abd al-Salam al-Raghib di dalam Wazīfat al-Şurah al-Fanniyyah fi al-Qur’an berkata: *“Permisalan dalam al-Quran tidaklah meniru daripada yang lain dan juga tidak mengambil daripada sumber-sumber terdahulu.”*

MITHAL DALAM SASTERA

Ayat-ayat permisalan merupakan salah satu bahan kajian yang sangat menarik. Di dalamnya terdapat keunikan yang menunjukkan kehebatan bahasa al-Quran. Malah, permisalan al-Quran merupakan sesuatu yang baharu dan berbeza dengan permisalan yang pernah dibuat oleh penyair-penyair Arab terdahulu.

‘Abd al-Rahman al-Maydani di dalam *Amthal al-Qur’an wa-Ṣuwar Adabi-hi al-Raffi* menjelaskan bahawa terdapat enam keistimewaan permisalan yang Allah sampaikan di dalam al-Quran, iaitu:

- I. Tepat dalam mengilustrasikan gambaran permisalan.
- II. Gambaran permisalan terlihat hidup, bergerak seperti nyata di hadapan mata.
- III. Di antara benda yang dimisalkan (*al-mumaththal lahu*) dengan gambaran permisalannya (*al-mumaththal bihi*) sangat bersesuaian.
- IV. Gambaran permisalan adalah pelbagai. Kadangkala, setiap unsur pada *almumaththal lahu* boleh dibandingkan dengan unsur-unsur pada *almumaththal bihi*. Kadangkala, *al-mumaththal lahu* dibandingkan secara penuh dengan *al-mumaththal bihi*.
- V. Hubungan persamaan di antara *al-mumaththal lahu* dengan *almumaththal bihi* sangat serupa seolah-olah kedua-duanya sama.
- VI. Ada bahagian daripada *al-mumaththal lahu* atau *al-mumaththal bihi* yang disembunyikan demi untuk menguji kecerdasan pembaca, namun ia tidak mengurangi makna permisalan.

Keenam-enam keistimewaan di atas jelas menunjukkan betapa tingginya nilai sastera yang ada pada bahasa al-Quran. Dalam hal ini, Ṭantāwī berkata, “Permisalan membuktikan kehebatan Allah dalam meletakkan sesuatu selaras dengan tempatnya, iaitu memisalkan sesuatu dengan sesuatu yang bersesuaian.

JENIS AMTHAL DALAM AL-QURAN

Perumpamaan di dalam al-Quran boleh dibahagikan kepada **tiga jenis**, iaitu:

Pertama: Amthal Musarrahah

Amthal Musarrahah merupakan perumpamaan yang menggunakan perkataan mathal (perumpamaan atau perbandingan) atau apa-apa perkataan yang merujuk kepada perumpamaan atau perbandingan.

a) Perumpamaan mengenai orang munafik dalam dua keadaan

Pertama, dalam ayat 17 daripada surah al-Baqarah:

مَثَلُهُمْ كَمَثَلِ الَّذِي اسْتَوْفَدَ نَارًا فَلَمَّا أَضَاءَتْ مَا حَوْلَهُ ذَهَبَ اللَّهُ بِنُورِهِمْ وَتَرَكَهُمْ فِي ظُلُمَاتٍ لَا يُبْصِرُونَ

Maksudnya: “Perumpamaan golongan munafik ini seperti seseorang yang menyalakan api dan sejurus api itu menerangi dirinya, tiba-tiba Allah melenyapkan cahaya tersebut lantas membiarkan mereka dalam kegelapan tanpa dapat melihat sesuatu apa pun.”

Ayat 19 daripada surah al-Baqarah:

أَوْ كَصَيْبٍ مِّنَ السَّمَاءِ فِيهِ ظُلُمَاتٌ وَرَعْدٌ وَبَرْقٌ يَجْعَلُونَ أَصَابِعَهُمْ فِي آذَانِهِمْ مِنَ الصَّوَاعِقِ حَذَرَ الْمَوْتِ وَاللَّهُ مُحِيطٌ
بِالْكَافِرِينَ

Maksudnya: “Atau seperti (orang yang ditimpa) hujan lebat dari langit, yang disertai kegelapan, petir dan kilat. Mereka menyumbat telinga dengan jari-jarinya, (menghindari) suara petir itu kerana takut mati. Allah meliputi orang-orang yang kafir.”

Dalam kedua-dua ayat di atas, Allah menyatakan dua perumpamaan (mathal) bagi orang yang munafik:

Pertama, mereka bagaikan orang yang menyalakan api untuk penerangan dan kemanfaatan. Dalam hal ini, mereka memperoleh kemanfaatan material dengan sebab masuk Islam. Tetapi, ke-Islaman mereka tidak memberikan kesan sama sekali terhadap hati mereka kerana Allah menghilangkan cahaya (nur) yang ada dalam api itu. Allah menghilangkan cahaya (yang menyinari) mereka. Kemudian membiarkan unsur api membakar yang ada padanya. Inilah perumpamaan mereka yang berkaitan dengan api.

Kedua, dalam mathal ma' (air). Allah menyamakan mereka dengan keadaan seperti (orang-orang yang ditimpa) hujan lebat dari langit, bersama dengan gelap gelita dan guruh serta kilat sehingga ia lemas tidak memiliki kekuatan. Lalu ia menyumbat jarinya ke dalam telinga masing-masing daripada mendengar suara petir kerana takut mati. Gambaran ini sepertimana al-Quran dengan segala peringatan, perintah, larangan dan seruannya. Bagi mereka, kedatangan al-Quran seperti petir yang turun menyambar.

b) Perumpamaan air dan api dalam menggambarkan mengenai hak dan batil

Surah Ar-Ra'd, ayat 17:

أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَسَالَتْ أَوْدِيَةٌ بِقَدَرِهَا فَاحْتَمَلَ السَّيْلُ زَبَدًا رَابِيًا وَمِمَّا يُوقِدُونَ عَلَيْهِ فِي النَّارِ ابْتِغَاءَ حُلْيَةٍ أَوْ مَتَاعٍ زَبَدٌ مِثْلَهُ كَذَلِكَ يَضْرِبُ اللَّهُ الْحَقَّ وَالْبَاطِلَ فَأَمَّا الزَّبَدُ فَيَذْهَبُ جُفَاءً وَأَمَّا مَا يَنْفَعُ النَّاسَ فَيَمْكُثُ فِي الْأَرْضِ كَذَلِكَ يَضْرِبُ اللَّهُ الْأَمْثَالَ

Maksudnya: “Ia menurunkan air (hujan) dari langit, lalu membanjiri tanah-tanah lembah (dengan airnya) menurut kadarnya yang ditetapkan Tuhan untuk faedah-Nya, kemudian banjir itu membawa buih yang terapung-apung dan daripada benda-benda yang dibakar di dalam api untuk dijadikan barang perhiasan atau perkakas yang diperlukan, juga timbul buih seperti itu. Demikianlah Allah memberi misal perbandingan tentang perkara yang benar dan yang salah, adapun buih itu maka akan hilang lenyaplah ia hanyut terbuang, manakala benda-benda yang berfaedah kepada manusia, maka ia tetap tinggal di bumi. Demikianlah Allah menerangkan misal-misal perbandingan.”

Dalam kedua-dua ayat di atas, Allah menyatakan dua perumpamaan (mithal) bagi menyatakan hak dan batil:

Pertama, dalam mathal ma'(air), wahyu yang diturunkan Allah daripada langit untuk menghidupkan hati itu digambarkan sepertimana air hujan yang diturunkannya untuk menghidupkan bumi dan tumbuh-tumbuhan. Hati disamakan dengan lembah. Air yang mengalir melalui lembah menghanyutkan buih adalah gambaran nafsu syahwat yang buruk atau perkara yang batil.

Kedua, berkenaan mathal an-nar (api). Disebutkan dalam ayat: dan daripada benda-benda yang dibakar di dalam api untuk dijadikan barang perhiasan atau perkakas yang diperlukan. Sebagai contoh, jika logam, emas, perak, tembaga, besi dimasukkan ke dalam api, ia akan menghilangkan kotoran dan karat yang melekat padanya sehingga karat itu hilang. Begitu juga diumpamakan dengan nafsu syahwat yang buruk atau perkara batil akan dibuang dengan adanya hati orang Mukmin sebagaimana air menghanyutkan buih atau api yang menghilangkan karat yang ada pada logam.

Kedua: Amthal Kaminah

Amthal Kaminah merujuk kepada ayat yang tidak menggunakan perkataan mathal atau yang seumpama dengannya tetapi ia memberi makna yang indah dalam bentuk yang padat dan mempunyai impak yang tersendiri apabila dipindahkan kepada ayat yang serupa dengannya.

Sebagai contoh, perumpamaan mutiara kata خَيْرَ الْأُمُورِ أَوْسَطُهَا: “Sebaik-sebaik perkara adalah kesederhanaan” atau “pertengahan di antara dua sifat”. Kata-kata ini diungkapkan menerusi beberapa ayat al-Quran dalam bentuk yang berbeza.

- I. Mengenai umur lembu betina. Surah al-Baqarah, ayat 68:

قَالُوا ادْعُ لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّنْ لَنَا مَا هِيَ قَالَ إِنَّهُ يَقُولُ إِنَّهَا بَقَرَةٌ لَا فَارِضٌ وَلَا بِكْرٌ عَوَانٌ بَيْنَ ذَلِكَ فَافْعَلُوا مَا تُؤْمَرُونَ

Maksudnya: “Mereka berkata: ‘Mintalah kepada Tuhanmu agar Dia menjelaskan kepada kami bagaimana sifat-sifat lembu itu?’ Nabi Musa menjawab: ‘Allah berfirman bahawa lembu betina itu ialah seekor lembu yang tidak terlalu tua dan tidak pula terlalu muda tetapi pertengahan di antara kedua-duanya, maka laksanakanlah apa yang telah diperintahkan kepada kamu.’”

- II. Sikap pertengahan dalam membelanjakan harta. Surah al-Furqan, ayat 67:

وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا

Maksudnya: “Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah) Yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut; dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu.”

III. Mengenai solat. Surah al-Isra' ayat 110:

قُلْ ادْعُوا اللَّهَ أَوْ ادْعُوا الرَّحْمَنَ أَيًّا مَا تَدْعُوا فَلَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ وَلَا تَجْهَرُوا بِصَلَاتِكُمْ وَلَا تَخَافُتُمْ بِهَا وَابْتَغِ بَيْنَ ذَلِكَ سَبِيلًا

Maksudnya: “Katakanlah (wahai Muhammad): ‘Serulah nama ‘Allah’ atau nama ‘Ar-Rahman’, yang mana sahaja kamu serukan (daripada kedua-dua nama itu adalah baik belaka); kerana Allah mempunyai banyak nama-nama yang baik serta mulia.’ Dan janganlah engkau nyaringkan bacaan doa atau sembahyangmu, juga janganlah engkau perlahankannya, dan gunakanlah satu sahaja cara yang sederhana antara itu.”

Ketiga: Amthal Mursalah

Amthal al-Mursalah ialah ayat yang diletakkan tanpa menggunakan lafaz tasybih secara jelas tetapi ayat-ayat tersebut berfungsi sebagai ayat mathal. Sebagai contoh:

I. Al-Baqarah, ayat 216:

كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِتَالُ وَهُوَ كُرْهُ لَكُمْ وَعَسَىٰ أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ وَعَسَىٰ أَنْ تُحِبُّوا شَيْئًا وَهُوَ شَرٌّ لَّكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya: “Kamu diwajibkan berperang (untuk menentang pencerobohan) sedang peperangan itu ialah perkara yang kamu benci; dan boleh jadi kamu benci kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu, dan boleh jadi kamu suka kepada sesuatu padahal ia buruk bagi kamu.”

II. An-Najm, ayat 58:

لَيْسَ لَهَا مِنْ دُونِ اللَّهِ كَاشِفَةٌ

Maksudnya: "Tidak ada sesiapa pun selain Allah yang dapat menahan atau menghapuskan huru-hara (hari kiamat) itu."

III. Ar-Rahman, ayat 60:

هَلْ جَزَاءُ الْإِحْسَانِ إِلَّا الْإِحْسَانُ

Maksudnya: "Bukankah tidak ada balasan bagi amal yang baik - melainkan balasan yang baik juga?"

FUNGSI DAN FAEDAH AYAT PERUMPAMAAN

Ayat perumpamaan berfungsi membangkitkan perasaan suka atau benci terhadap sesuatu perkara.

- la jelas ditunjukkan dalam surah al-A'raf ayat 175-176, Allah SWT menyamakan sifat ahli kitab dengan anjing. Firman Allah SWT:

وَأْتَلُ عَلَيْهِمْ نَبَأَ الَّذِي آتَيْنَاهُ آيَاتِنَا فَانسَخْنَا مِنْهَا فَاتَّبَعَهُ الشَّيْطَانُ فَكَانَ مِنَ الضَّالِّينَ ﴿١٧٥﴾ وَلَوْ شِئْنَا لَرَفَعْنَاهُ بِهَا وَلَكِنَّهُ أَخْلَدَ إِلَى الْأَرْضِ وَاتَّبَعَ هَوَاهُ فَمَثَلُهُ كَمَثَلِ الْكَلْبِ إِنْ تَحْمِلَ عَلَيْهِ يَلْهَثُ أَوْ تَتْرَكهُ يَلْهَثُ ذَلِكَ مَثَلُ الْقَوْمِ الَّذِينَ كَذَبُوا بِآيَاتِنَا فَافْضُصْ الْقِصَصَ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ﴿١٧٦﴾

Maksudnya: "Dan bacakanlah kepada mereka (wahai Muhammad), khabar berita seorang yang kami beri kepadanya (pengetahuan mengenai) ayat-ayat (Kitab) Kami. Kemudian, ia menjadikan dirinya terkeluar daripada mematuhi, lalu ia diikuti oleh syaitan (dengan godaannya), maka menjadilah daripada orang-orang yang sesat. Dan kalau Kami kehendaki nescaya Kami tinggikan pangkatnya dengan (sebab mengamalkan) ayat-ayat itu. Tetapi, ia bermati-matian cenderung kepada dunia dan menurut hawa nafsunya; maka bandingannya adalah seperti anjing, jika engkau menghalaunya; ia menghulurkan lidahnya termengah-mengah, dan jika engkau membiarkannya; ia juga menghulurkan lidahnya termengah-mengah. Demikianlah

bandingan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami. Maka, ceritakanlah kisah-kisah itu supaya mereka berfikir.”

- b. Allah SWT juga menyamakan golongan Yahudi dengan keldai sepertimana firman-Nya dalam surah al-Jumu'ah, ayat 5:

مَثَلُ الَّذِينَ حُمِلُوا التَّوْرَةَ ثُمَّ لَمْ يَحْمِلُوهَا كَمَثَلِ أَحْمَرَ يَحْمِلُ سُنْفَارًا بَشَرًا مِثْلُ الْقَوْمِ الَّذِينَ كَذَبُوا بِآيَاتِ اللَّهِ
وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ

Maksudnya: “(Sifat-sifat Nabi Muhammad itu telah pun diterangkan dalam Kitab Taurat tetapi orang-orang Yahudi tidak juga mempercayainya, maka) bandingan orang-orang (Yahudi) yang ditanggungjawab dan ditugaskan (mengetahui dan melaksanakan hukum) Kitab Taurat, kemudian mereka tidak menyempurnakan tanggungjawab dan tugas itu, samalah seperti keldai yang memikul Kitab-kitab besar (sedang ia tidak mengetahui kandungannya). Buruk sungguh bandingan kaum yang mendustakan ayat-ayat keterangan Allah; dan (ingatlah), Allah tidak memberi hidayah petunjuk kepada kaum yang zalim.”

- c. Manakala Allah menyamakan golongan yang beriman ibarat pokok yang kukuh dan bermanfaat kepada manusia seperti dalam firman-Nya dalam surah Ibrahim, ayat 24:

أَلَمْ تَرَ كَيْفَ ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا كَلِمَةً طَيِّبَةً كَشَجَرَةٍ طَيِّبَةٍ أَصْلُهَا ثَابِتٌ وَفَرْعُهَا فِي السَّمَاءِ

Maksudnya: “Tidakkah engkau melihat (wahai Muhammad) bagaimana Allah mengemukakan satu perbandingan, iaitu: kalimah yang baik adalah sebagai sebatang pohon yang baik, yang pangkalnya (akar tunjangnya) tetap teguh dan cabang pucuknya menjulang ke langit.”

- d. Al-Quran pula diibaratkan seperti cahaya, seperti dalam firman-Nya:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَكُمْ بُرْهَانٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكُمْ نُورًا مُّبِينًا

Maksudnya: “Wahai sekalian umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu: Bukti daripada Tuhan kamu, dan Kami pula telah menurunkan kepada kamu (al-Quran sebagai) Nur (cahaya) yang menerangi (segala apa jua yang membawa kejayaan di dunia ini dan kebahagiaan yang kekal di akhirat kelak).”

Dari sudut faedahnya ialah:

1. Membentuk satu rasional dan logikal yang dapat dirasai oleh pancaindera manusia.

Terdapat perkara yang tidak nyata dan tidak dapat ditangkap oleh akal kecuali ia dijelaskan dalam bentuk yang boleh dirasai oleh pancaindera. Misalnya, Allah membuat perumpamaan bagi keadaan orang yang menginfakkan hartanya secara riyak bahawa ia tidak akan mendapat pahala serta kebaikan sedikit pun daripada perbuatannya itu. Surah al-Baqarah, ayat 264:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تُبْطِلُوا صَدَقَاتِكُمْ بِالْمَنِّ وَالْأَذَى كَالَّذِي يُنْفِقُ مَالَهُ رِئَاءَ النَّاسِ وَلَا يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ
الْآخِرِ فَمَثَلُهُ كَمَثَلِ صَفْوَانٍ عَلَيْهِ ثُرَابٌ فَأَصَابَهُ وَابِلٌ فَتَرَكَهُ صَلْدًا لَا يَقْدِرُونَ عَلَى شَيْءٍ مِّمَّا
كَسَبُوا وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ

Maksudnya: “Jangan rosakkan (pahala amal) sedekah kamu dengan perkataan membangkit-bangkit dan (kelakuan yang) menyakiti seperti (rosaknya pahala amal sedekah) orang yang membelanjakan hartanya kerana hendak menunjuk-nunjuk kepada manusia (riyak), dan ia pula tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat.”

2. Menjelaskan hakikat sesuatu yang tidak terlihat seakan-akan menjadi sesuatu yang boleh dilihat.

la berfungsi untuk memberikan kefahaman al-Quran kepada pendengar atau pembacanya dengan menggunakan cara yang dikenali ataupun dirasai oleh mereka. Surah al-Baqarah, ayat 275:

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا
الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّهِ فَاتَّبَعَهَا فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى
اللَّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

Maksudnya: “Orang-orang yang memakan riba tidak dapat berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang kemasukan syaitan kerana gila. Yang demikian itu kerana mereka berkata bahawa jual beli sama dengan riba. Padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. Sesiapa yang mendapat peringatan daripada Tuhannya, lalu dia berhenti, maka apa yang telah diperolehnya dahulu menjadi miliknya dan urusannya

(terserah) kepada Allah. Sesiapa yang mengulangi, maka mereka itu penghuni neraka, mereka kekal di dalamnya.”

3. Untuk menjauhi sesuatu perkara yang dibenci oleh jiwa.

Surah al-Hujurat, ayat 12:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ ۖ وَلَا تَجَسَّسُوا وَلَا يَغْتَب بَّعْضُكُم بَعْضًا ۚ أَيُحِبُّ أَحَدُكُمْ أَن يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ تَوَّابٌ رَّحِيمٌ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan daripada sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian daripada sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah sesetengah kamu mengumpat sesetengahnya yang lain. Adakah seseorang daripada kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan-larangan yang tersebut) dan bertakwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani.”

PENUTUP

Sebagai penutup, mari sama-sama kita menghayati sebuah perumpamaan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Musa al-Asy’ari, bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda:

إِنَّ الْمُؤْمِنَ لِلْمُؤْمِنِ كَالْبُنْيَانِ يَشُدُّ بَعْضُهُ بَعْضًا

Maksudnya: “Sesungguhnya orang Mukmin dengan orang Mukmin yang lain seperti sebuah bangunan, sebahagian menguatkan sebahagian yang lain.”

(HR Bukhari, Sahih Bukhari hlm. 481, hadis sahih)

SESI KEDUA

QASAM (SUMPAH) DALAM AL-QURAN

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta akan memperoleh pengetahuan tentang definisi qasam secara bahasa dan istilah menurut para ulama berserta faedahnya serta mengenal pasti tiga elemen penting dalam qasam al-Quran (Adat Qasam, Muqsam Bih dan Muqsam 'Alaih) berserta contoh-contohnya.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Definisi dan Faedah Qasam
- Unsur Qasam
- Muqsam Bih dalam al-Quran
- Muqsam 'Alaih dalam al-Quran
- Jenis Qasam
- Contoh Fi'il (Perbuatan) yang Berfungsi sebagai Qasam

SESI KEDUA: QASAM (SUMPAH) DALAM AL-QURAN

PENDAHULUAN

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abdullah bin Umar r.huma., Nabi SAW bersabda:

مَنْ كَانَ حَالِفًا فَلْيُحْلِفْ بِاللَّهِ، أَوْ لِيَصْمُتْ

Maksudnya: “Sesiapa yang ingin bersumpah, maka hendaklah dia bersumpah dengan nama Allah atau lebih baik diam.”

Sumpah hendaklah hanya dilakukan dengan menggunakan nama Allah SWT atau salah satu sifat-Nya. Maka pada sesi kali ini, mari kita lihat bagaimana Allah bersumpah melalui al-Quran.

DEFINISI DAN FAEDAH QASAM

Bahasa

Qasam adalah bentuk mufrad daripada kalimah Aqsam. Qasam dari sudut bahasa adalah al-hilf dan yamin “الحلف و اليمين” yang bererti sumpah. Kalimah asal daripada qasam adalah fi’il yang menggunakan kata kerja أقسم atau أخلف yang ditransitifkan (kata kerja yang mempunyai objek atau dalam bahasa Arab dikenali sebagai fi’il muta’addi) kepada muqsam bih dengan huruf ba, setelah itu baru disebutkan muqsam ‘alaih (jawab qasam).

Qasam dan yamin mempunyai makna yang sama. Qasam didefinisikan sebagai pengikat jiwa (hati) agar tidak melakukan sesuatu perbuatan, dengan satu makna yang besar ada secara hakikat mahupun secara keyakinan (iktiqad) bagi orang yang bersumpah itu. Sumpah dinamakan juga dengan yamin (tangan kanan) kerana orang Arab apabila sedang bersumpah, mereka akan memegang tangan kanan sahabatnya.

Istilah

Secara terminologinya, Ibnul Qayyim mendefinisikan qasam dengan suatu kalimah yang memberikan penegasan (taukid) terhadap berita atau tuntunan yang disampaikan.

Sedangkan menurut Manna' al-Qatthan, qasam adalah:

ربط النفس بالإمتناع عن شيء أو الإقدام عليه بمعنى معظم عند الحالف حقيقة أو إعتاقاً

“Sebagai pengikat jiwa (hati) agar melakukan atau tidak melakukan sesuatu yang dianggap besar atau agung oleh yang bersumpah, baik secara hakiki mahupun i'tiqadi.”

Faedah Qasam

Di dalam al-Quran, terdapat sebanyak 200 lebih sumpah. Hampir seratus daripadanya dengan jelas menggunakan perkataan “sumpah”. Termasuklah di dalamnya sumpah Allah, sumpah para nabi dan rasul, juga sumpah-sumpah orang lain selain Allah dan rasul-rasul-Nya.

Bahasa Arab terkenal dengan kesenian ibaratnya. Gaya bahasa yang berbeza digunakan untuk menyatakan maksud dan tujuan yang berbeza. Gaya bahasa yang berbeza juga digunakan ketika berbicara dengan orang-orang yang latar belakangnya berbeza. Oleh sebab itulah, sesuatu cerita (khabar) menurut ilmu Ma'ani (salah satu cabang seni bahasa Arab), semestinya disampaikan sesuai dengan tiga tahap sikap manusia yang akan menerimanya.

I. Al-Ibtida'i (الإبتدائي)

Ia terpakai untuk golongan yang **tidak mempunyai sebarang pandangan** mengenai sesuatu hukum. Hujah yang ingin disampaikan kepada golongan pada tahap sebegini tidak perlu diperkuat dengan apa-apa kata penguat.

II. At-Thalabi (الطلبی)

Ia digunakan untuk orang yang **ragu-ragu dan sangsi** tentang sesuatu ketetapan hukum sama ada ia telah diputuskan atau tidak ketika disampaikan kepadanya. Dalam keadaan ini adalah lebih baik hujah yang hendak disampaikan itu diperkuat dengan sedikit kata

penguat supaya keraguan yang berlegar-legar di dalam hatinya bertukar kepada keyakinan.

III. Al-Inkaari (الإنكاري)

Ia digunakan untuk golongan yang **menolak isi sesuatu hukum** dan langsung tidak percaya kepadanya. Dalam keadaan ini cerita yang hendak disampaikan itu mestilah diperkuat dengan kata penguat tertentu. Kata penguat yang digunakan mungkin hanya satu atau dua perkataan. Mungkin juga lebih daripada itu mengikut pada kesesuaian dan kadar keingkarannya.

Sumpah sebenarnya merupakan salah satu bentuk kata penguat bagi sesuatu cerita atau hukum yang disampaikan. Oleh sebab al-Quran itu diturunkan sebagai hidayah dan untuk membimbing semua lapisan dan tahap masyarakat manusia dan jin, sedangkan ada antara mereka yang meragunya dan ada pula yang langsung tidak mempercayainya, malah mendustakannya, maka semestinya sesuatu yang hendak disampaikan kepada mereka diperkuat dengan kata-kata penguat tertentu. Antara kata penguat yang sering digunakan oleh Allah di dalam al-Quran ialah sumpah (القسم أسلوب).

Antara tujuannya ialah menghilangkan keraguan orang yang sedang meragui dan menghapuskan terus kekeliruan yang membuatkan mereka menolak dan tidak mempercayainya, dengan mengemukakan satu bentuk kata penguat yang pada hakikatnya merupakan bukti, dalil dan hujah daripada Allah kepada akal dan hati nurani manusia.

UNSUR QASAM

Qasam terdiri daripada **tiga bentuk**:

I. Adat Qasam

Adat qasam, iaitu sighth digunakan untuk menunjukkan qasam, baik berupa fi'il mahupun huruf seperti ba, ta dan waw yang digunakan sebagai pengganti fi'il qasam.

- a. Qasam dengan fi'il, surah at-Taubah ayat 62:

يَخْلِفُونَ بِاللَّهِ لَكُمْ لِيَرْضَوْكُمْ وَاللَّهُ وَرَسُولُهُ أَحَقُّ أَنْ يُرْضَوْهُ إِنْ كَانُوا مُؤْمِنِينَ

Maksudnya: "Mereka bersumpah kepada kamu dengan nama Allah untuk mendapat keredaan kamu, padahal Allah dan Rasul-Nya jualah yang lebih berhak mereka mendapat keredaan-Nya, jika betul mereka orang-orang yang beriman."

- b. Qasam dengan waw pada isim zahir, sepertimana surah al-Lail ayat 1:

وَاللَّيْلِ إِذَا يَغْشَىٰ

Maksudnya: "Demi malam apabila ia menyelubungi segala-galanya (dengan gelap-gelitanya)."

- c. Qasam dengan Ba, surah an-Nahl, ayat 38:

وَأَقْسَمُوا بِاللَّهِ جَهْدَ أَيْمَانِهِمْ ۖ لَا يَبْعَثُ اللَّهُ مَن يَمُوتُ ۖ بَلَىٰ وَعَدَا عَلَيْهِ حَقًّا وَلَكِنَّا أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ

Maksudnya: "Dan mereka bersumpah dengan nama Allah dengan bersungguh-sungguh (sambil berkata): 'Allah tidak akan membangkitkan semula orang-orang yang telah mati.' (Itu tidak benar), bahkan janji Allah membangkitkan orang-orang yang telah mati) tetap benar; tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui."

- d. Qasam dengan La, surah al-Ma'arij, ayat 40:

فَلَا أُقْسِمُ بِرَبِّ الْمَشَارِقِ وَالْمَغْرِبِ إِنَّا لَقَادِرُونَ

Maksudnya: "Maka Aku bersumpah dengan (kebesaran-Ku) Tuhan yang menguasai (seluruh alam, meliputi) tempat-tempat terbit (matahari dan bulan bintang) dan tempat-tempat tenggelamnya, sesungguhnya Kami berkuasa."

- e. Qasam dengan ta, huruf qasam ta khusus digunakan untuk lafaz jalallah (Allah). Surah al-Anbiya ayat 57:

وَتَأْتِيهِ لَآكِيْدًا أَصْنَٰمَكُمْ بَعْدَ أَنْ تُوَلُّوْا مُدْبِرِيْنَ

Maksudnya: “Dan demi Allah, aku akan jalankan rancangan terhadap berhala-berhala kamu, sesudah kamu pergi meninggalkan (rumah berhala ini).”

II. Muqsam Bih

Muqsam bih ialah sesuatu yang dijadikan sumpah oleh Allah. Sumpah dalam al-Quran kadang-kadangnya dengan menggunakan nama Allah dan ada juga dengan menggunakan nama makhluk-Nya. Allah bersumpah dengan zat-Nya yang suci dan memiliki sifat-sifat khusus atau dengan ayat-ayat-Nya yang menetapkan adanya sifat-sifat-Nya. Juga sumpah Allah dengan beberapa makhluk menunjukkan bahawa makhluk-makhluk itu adalah salah satu daripada ayat-ayat-Nya yang agung.

III. Muqsam ‘Alaih

Muqsam ‘alaih, iaitu berita yang dikuatkan dengan sumpah berupa pernyataan bahawa orang yang mendengarnya ingin menerima atau beriman, kemudian dikuatkan dengan sumpah itu. Muqsam ‘alaih ini disebut juga dengan *Jawab Qasam*. Ini sebenarnya tujuan daripada sumpah itu sendiri, iaitu untuk membenarkan dan menguatkan pesanan yang ingin disampaikan.

MUQSAM BIIH DI DALAM AL-QURAN

Allah bersumpah dengan zat-Nya di dalam al-Quran yang terdapat pada tujuh tempat dan selain itu Allah bersumpah dengan nama-nama makhluk-Nya. Contoh Allah bersumpah dengan Zatnya adalah:

- a. Surah at-Taghabun, ayat 7

زَعَمَ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنْ لَنْ يُبْعَثُوا ۗ قُلْ بَلَىٰ وَرَبِّي لَتُبْعَثُنَّ ثُمَّ لَتُنَبَّؤُنَّ بِمَا عَمِلْتُمْ ۗ وَذَٰلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرٌ

Maksudnya: “(Di antara sebab-sebab kufur) orang-orang yang kafir (adalah disebabkan oleh mereka) mengatakan bahawa mereka tidak sekali-kali akan dibangkitkan (sesudah mati). Katakanlah: ‘Bahkan, demi Tuhanku, kamu akan dibangkitkan, kemudian kamu akan diberitahu tentang segala yang kamu telah kerjakan. Dan yang demikian itu adalah mudah bagi Allah melaksanakannya.’”

b. Surah as-Saba', ayat 3

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَا تَأْتِينَا السَّاعَةُ قُلْ بَلَىٰ وَرَبِّي لَتَأْتِيَنَّكُمْ عِلْمُ الْغَيْبِ لَا يَعْزُبُ عَنْهُ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ فِي
السَّمَاوَاتِ وَلَا فِي الْأَرْضِ وَلَا أَصْغَرُ مِنْ ذَلِكَ وَلَا أَكْبَرُ إِلَّا فِي كِتَابٍ مُّبِينٍ

Maksudnya: “Dan orang-orang yang kafir berkata: ‘Hari kiamat itu tidak akan datang kepada kami.’ Katakanlah (wahai Muhammad): ‘Bahkan (tetap datang). Demi Tuhanku yang mengetahui segala perkara yang ghaib, hari kiamat itu sesungguhnya akan datang kepada kamu.’ Tiada tersembunyi daripada pengetahuan-Nya barang seberat debu yang ada di langit atau di bumi, dan tidak ada yang lebih kecil daripada itu atau yang lebih besar melainkan semuanya tertulis di dalam Kitab yang terang nyata.”

c. Surah Yunus, ayat 53

وَيَسْتَنبِئُونَكَ أَحَقُّ هُوَ قُلْ إِي وَرَبِّي إِنَّهُ لَحَقٌّ وَمَا أَنْتُمْ بِمُعْجِزِينَ

Maksudnya: “Dan mereka (yang meminta disegerakan azab) itu akan bertanya kepadamu (wahai Muhammad): ‘Adakah kedatangan azab yang dijanjikan itu benar?’ Jawablah: ‘Ya, demi Tuhanku! Sesungguhnya adalah ia benar! Dan kamu tidak sekali-kali berkuasa menahan kedatangannya.’”

d. Surah Maryam, ayat 68

فَوَرَبِّكَ لَنَحْشُرَنَّهُمْ وَالشَّيَاطِينَ ثُمَّ لَنُحْضِرَنَّهُمْ حَوْلَ جَهَنَّمَ جِثِيًّا

Maksudnya: “Oleh itu, demi Tuhanmu (wahai Muhammad)! Sesungguhnya Kami akan himpulkan mereka yang kafir itu beserta syaitan-syaitan di Padang Mahsyar, kemudian Kami akan bawa mereka duduk berlutut di keliling neraka Jahannam.”

e. Surah al-Hijr, ayat 92

فَوَرَبِّكَ لَنَسْأَلَنَّهُمْ أَجْمَعِينَ

Maksudnya: “Demi Tuhanmu! Kami akan menyoal mereka (yang kafir itu) semuanya (pada hari kiamat kelak).”

f. Surah an-Nisa', ayat 65

فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَجِدُوا فِي أَنفُسِهِمْ حَرَجًا مِّمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

Maksudnya: “Maka demi Tuhanmu (wahai Muhammad)! Mereka tidak disifatkan beriman sehingga mereka menjadikan engkau hakim dalam mana-mana perselisihan yang timbul di antara mereka, kemudian mereka pula tidak berasa di hati mereka sesuatu keberatan daripada apa yang telah engkau hukumkan dan mereka menerima keputusan itu dengan sepenuhnya.”

g. Surah al-Ma'arij, ayat 40

فَلَا أُقْسِمُ بِرَبِّ الْمَشَارِقِ وَالْمَغْرِبِ إِنَّا لَقَادِرُونَ

Maksudnya: “Maka Aku bersumpah dengan (kebesaran-Ku) Tuhan yang menguasai (seluruh alam, meliputi) tempat-tempat terbit (matahari dan bulan bintang) dan tempat-tempat tenggelamnya, - sesungguhnya Kami berkuasa.”

Contoh Allah bersumpah dengan nama-nama makhluk-Nya:

a. Surah at-Tin, ayat 1

وَالزَّيْتُونِ

Maksudnya: “Demi buah tin dan zaitun.”

b. Surah at-Takwir, ayat 15

فَلَا أُقْسِمُ بِالنُّجُومِ

Maksudnya: “Oleh itu, Aku bersumpah dengan bintang-bintang yang tenggelam timbul.”

c. Surah al-Fajr, ayat 1-4

وَٱلْفَجْرِ ﴿١﴾
وَلَيَالٍ عَشْرٍ ﴿٢﴾
وَالشَّفْعِ وَالْوَتْرِ ﴿٣﴾
وَاللَّيْلِ إِذَا يَسْرِ ﴿٤﴾

Maksudnya: “Demi waktu fajar. Dan malam yang sepuluh (yang mempunyai kelebihan di sisi Allah). Dan bilangan yang genap serta yang ganjil. Dan malam, apabila ia berlalu.”

MUQSAM ‘ALAIH DI DALAM AL-QURAN

Menurut Ibnu al-Qayyim di dalam at-Tibyaan, Allah bersumpah di beberapa tempat atas asas-asas iman yang wajib diketahui dan dipercayai manusia. Dengan kata lain, perkara-perkara yang berkaitan dengan prinsip-prinsip imanlah yang dijadikan Allah sebagai muqsam ‘alaih dalam sumpah-Nya.

مقسم عليه atau perkara yang diangkat sumpah kerananya juga ada banyak. Secara asasnya, ia dapat dibahagikan kepada beberapa perkara berikut. Antaranya:

I. Muqsam ‘alaih berkaitan dengan akidah ketauhidan (keesaan) Allah. Sebagai contoh dalam firman Allah berikut:

وَٱلصَّٰفَّٰتِ صَفًّا ﴿١﴾
فَٱلَّذُرِّجَتِ رَجْرًا ﴿٢﴾
فَٱلتَّلَٰبِتِ ذِكْرًا ﴿٣﴾
إِنَّ إِلَٰهَكُمْ لَوَٰحِدٌ ﴿٤﴾

Maksudnya: “Demi (hamba-hamba-Ku) yang berbaris dengan berderet-deret (1). (Hamba-hamba-Ku) yang melarang (daripada kejahatan) dengan sesungguhnya-sungguhnya(2). (Hamba-hamba-Ku) yang membaca kandungan Kitab Suci(3); (Sumpah demi sumpah) sesungguhnya Tuhan kamu hanyalah satu(4).”

Ayat keempat dalam petikan di atas merupakan muqşam ‘alaih. Juga ia berkaitan dengan keimanan tauhid kepada Allah.

II. Muqşam ‘alaih mengenai kebenaran kerasulan Muhammad SAW. Surah Yasin, ayat 3-4:

إِنَّكَ لَمِنَ الْمُرْسَلِينَ ۝ ٣ عَلَىٰ صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ۝ ٤

Maksudnya: “*Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad adalah seorang Rasul) daripada Rasul-rasul yang telah diutus(3). Yang tetap di atas jalan yang lurus (agama Islam).*”

Ayat dalam petikan di atas merupakan muqşam ‘alaih. Ia membenarkan kerasulan Nabi Muhammad SAW.

III. Usaha, pekerjaan dan perihal manusia dijadikan muqşam ‘alaih. Lihat firman Allah di bawah ini sebagai contohnya dalam surah al-Lail, ayat 1-4:

وَإِلَّيْلٍ إِذَا يَغْشَىٰ ۝ وَالنَّهَارِ إِذَا تَجَلَّىٰ ۝ وَمَا خَلَقَ الذَّكَرَ وَالْأُنثَىٰ ۝ إِنَّ سَعْيَكُمْ لَشَتَّىٰ

Maksudnya: “*Demi malam apabila ia menutupi (cahaya siang)(1). Demi siang apabila ia terang-benderang(2). Demi Yang menciptakan (makhluk-makhluk-Nya) lelaki dan perempuan, (jantan dan betina)(3); Sesungguhnya usaha kamu memang berbeza-beza(4).*”

Ayat 4 dalam petikan di atas adalah muqşam ‘alaih. Ia menunjukkan amal usaha manusia berbeza-beza dan tidak sama.

JENIS QASAM

Qasam (Sumpah) terbahagi kepada **dua jenis**, iaitu:

I. Zahir

Sejenis sumpah yang jelas disebutkan di dalamnya terdapat fi'il qasam dan muqdam bih. Ada juga keadaan yang dihilangkan fi'il qasamnya kerana cukup dengan menggunakan huruf-huruf seperti jar seperti ba, waw dan ta.

Surah al-Qiyamah ayat 1 menunjukkan La' Nafiy mendahului fi'il qasamnya secara jelas dinyatakan:

لَا أُقْسِمُ بِيَوْمِ الْقِيَامَةِ ۖ وَلَا أُقْسِمُ بِالنَّفْسِ اللَّوَّامَةِ

Maksudnya: “*Aku bersumpah dengan hari kiamat. Dan Aku bersumpah dengan ‘Nafsul Lawwaamah’ (Bahawa kamu akan dibangkitkan sesudah mati)!’*”

Dikatakan di dua tempat ini adalah la' nafi, iaitu untuk menafikan sesuatu yang tidak disebutkan yang sesuai dengan konteks sumpah. Contohnya ialah: “Tidak benar apa yang kamu sangka bahawa hisab dan seksa itu tidak ada.” Kemudian, baru dimulakan dengan kalimat sesudahnya: “Aku bersumpah dengan hari kiamat dan dengan nafsu lawwamah bahawa kamu kelak akan dibangkitkan.”

Dikatakan pula bahawa “la” tersebut untuk menafikan qasam, seakan-akan ia mengatakan: “Aku tidak bersumpah kepadamu pada hari itu dan nafsu itu. Tetapi, aku bertanya kepadamu tanpa sumpah, adakah kamu mengira bahawa Kami tidak akan mengumpulkan tulang-tulangmu setelah hancur akibat daripada kematian? Masalahnya sudah sangat jelas sehingga tidak perlu lagi kepada sumpah.” Tetapi, juga ada yang mengatakan bahawa “la” tersebut adalah za'idah (tambahan).

Jawapan qasam dalam ayat di atas tidak disebutkan, isyaratnya adalah pada ayat ke 3, iaitu:

أَيَحْسَبُ الْإِنْسَانُ أَنْ نَجْمَعُ عِظَامَهُ

Maksudnya: “Patutkah manusia (yang kafir) menyangka bahawa Kami tidak akan dapat mengumpulkan tulang-tulangnya (dan menghidupkannya semula)?”

Maka, kalimahnyanya menjadi “sungguh kamu akan dibangkitkan dan akan dihisab”. Pertanyaan dalam ayat ketiga tersebut menjelaskan dan menguatkan kepastian bahawa adanya hari kebangkitan dan pembalasan atau hisab, yang mereka (kafir Quraisy) menganggap bahawa semua itu tidak akan pernah terjadi setelah adanya kematian.

II. Mudmar

Tidak dijelaskan melalui fi'il qasam ataupun qasam bihnya tetapi ia ditunjukkan oleh اللام taukid yang masuk ke dalam jawab qasam, iaitu untuk menegaskan sepertimana firman Allah dalam surah Ali 'Imran, ayat 186:

لَتُبْلَوْنَ فِيْ أَمْوَالِكُمْ وَأَنْفُسِكُمْ وَلَتَسْمَعَنَّ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِكُمْ وَمِنَ الَّذِينَ أَشْرَكُوا أَذًى كَثِيرًا
وَإِنْ تَصْبِرُوا وَتَتَّقُوا فَإِنَّ ذَلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ

Maksudnya: “Demi sesungguhnya, kamu akan diuji pada harta benda dan diri kamu. Dan demi sesungguhnya, kamu akan mendengar daripada orang-orang yang telah diberikan Kitab dahulu daripada kamu dan orang-orang yang musyrik: banyak (tuduhan-tuduhan dan cacian) yang menyakitkan hati. Dalam pada itu, jika kamu bersabar dan bertakwa, maka sesungguhnya yang demikian itu adalah daripada perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat (melakukannya).”

CONTOH FI'IL (PERBUATAN) YANG BERFUNGSI SEBAGAI QASAM

Di dalam al-Quran, terdapat beberapa perkataan perbuatan yang bertindak seperti fi'il qasam. Ia juga menghendaki jawab seperti fi'il qasam. Antara contoh adalah seperti berikut:

I. Surah al-A'raf, ayat 167:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكَ لِيُبْعَثَنَّ عَلَيْهِمْ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ مَنْ يَسُومُهُمْ سُوءَ الْعَذَابِ إِنَّ رَبَّكَ لَسَرِيعُ الْعِقَابِ وَإِنَّهُ لَغَفُورٌ رَحِيمٌ

Maksudnya: “Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika Tuhanmu memberitahu: Bahawa sesungguhnya Ia akan menghantarkan kepada kaum Yahudi itu, (terus-menerus) hingga hari kiamat, kaum-kaum yang akan menimpakan mereka dengan azab sengsara yang seburuk-buruknya (disebabkan kejahatan dan kekufuran mereka). Sesungguhnya Tuhanmu amat cepat azab seksa-Nya dan sesungguhnya Dia juga Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

Di dalam kitab al-Kasysyaf az-Zamakhsyari menyebutkan bahawa تَأَذَّنَ bertindak seperti fi'il qasam dan لِيُبْعَثَنَّ datang seperti jawab qasam.

II. Surah Al-Ahzab, ayat 15:

وَلَقَدْ كَانُوا عَاهِدُوا اللَّهَ مِنْ قَبْلُ لَا يُؤَلُّونَ الْأَدْبَرَ ۖ وَكَانَ عَهْدُ اللَّهِ إِلَيْهِمْ مَسْئُولًا

Maksudnya: “Padahal sesungguhnya mereka telah pun mengikat janji (bersumpah) dengan Allah sebelum itu, iaitu mereka tidak akan mundur (dari medan perang yang mereka hadiri). Dan (ingatlah) janji setia dengan Allah itu akan ditanya kelak (tentang penyempurnaannya).”

Di dalam at-Tibyaan Fi l'raab al-Quran tersebut, يُؤَلُّونَ adalah jawab qasam kepada perkataan عَاهِدُوا iaitu seerti dengan kalimah أَقْسَمُوا (mereka bersumpah).

III. Surah Hud, ayat 119:

إِلَّا مَنْ رَحِمَ رَبُّكَ وَلِذَلِكَ خَلَقَهُمْ ۗ وَتَمَّتْ كَلِمَةُ رَبِّكَ لِأَمْلَأَنَّ جَهَنَّمَ مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ

Maksudnya: “Tetapi orang-orang yang telah diberi rahmat oleh Tuhanmu, (mereka bersatu di dalam agama Allah) dan untuk (perselisihan dan rahmat) itulah Allah menjadikan manusia dan dengan yang demikian sempurnalah janji Tuhanmu: Sesungguhnya Aku akan memenuhi Neraka Jahannam dengan sekalian jin dan manusia (yang berdosa).”

Di dalam Tafsir al-Bahru al-Muhith menyebutkan bahwa jumlah تَمَّتْ itu mengandung makna qasam (sumpah). Maka, huruf “laam” pada لِأَمْلَأَنَّ selepasnya sebagai “Laam” jawab qasam.

IV. Surah al-Isra', ayat 4:

وَقَضَيْنَا إِلَىٰ بَنِي إِسْرَائِيلَ فِي الْكِتَابِ لَتُفْسِدُنَّ فِي الْأَرْضِ مَرَّتَيْنِ وَلَتَعْلُنَّ عُلُوًّا كَبِيرًا

Maksudnya: “Dan Kami menyatakan kepada Bani Israil dalam Kitab itu: Sesungguhnya kamu akan melakukan kerosakan di bumi (Palestin) dua kali dan sesungguhnya kamu akan berlaku sombong angkuh dengan melampau.”

Di dalam Tafsir al-Kasysyaaf az-Zamakhsyari menyebutkan bahwa harus juga dikatakan وَقَضَيْنَا sebagai fi'il yang bertindak seperti fi'il qasam. Manakala لَتُفْسِدُنَّ adalah jawabnya. Seolah-olah dikatakan وَأَقْسَمْنَا (Kami telah bersumpah bahwa sesungguhnya kamu akan melakukan kerosakan).

PENUTUP

Sebagai penutup, kita hendaklah mengetahui bahawa Allah SWT berhak melakukan apa sahaja yang dikehendaki-Nya. Dia tidak ditanya apa yang dilakukan-Nya, akan tetapi kita para makhluklah yang akan ditanya tentang amalan masing-masing. Firman-Nya dalam surah al-Anbiya', ayat 23:

لَا يُسْأَلُ عَمَّا يَفْعَلُ وَهُمْ يُسْأَلُونَ

Maksudnya: *“Dia tidak ditanya tentang apa yang diperbuat-Nya, sedang merekalah yang akan ditanya kelak.”*

SESI KETIGA

JADAL (DEBAT) DALAM AL-QURAN

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta akan memahami konsep jadal dalam al-Quran menurut pendapat para ulama serta memahami konsep al-Jadal, al-Munazarah dan al-Mukabarah serta metod perdebatan yang digunakan.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Definisi Jadal dan Konsep Munazarah serta Mukabarah
- Metod Perdebatan dalam Al-Quran
- Jenis Perdebatan dalam Al-Quran
- Adab dalam Berdebat

SESI KETIGA: JADAL AL-QURAN (PERDEBATAN)

PENDAHULUAN

Allah SWT berfirman berkenaan debat yang terpuji dalam surah an-Nahl, ayat 125:

وَجِدْلُهُمْ بِأَتَىٰ هِيَ أَحْسَنُ

Maksudnya: *“Berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik.”*

Ayat di atas menjelaskan bahawa debat yang terpuji mempunyai suasana toleransi, menyedarkan hati dan tidak melemahkan fikiran, memandu generasi umat Islam yang terkemudian dan tidak mencela generasi umat yang Islam terdahulu serta mengikut sukatan ilmu yang sesuai. Tujuan debat yang terpuji adalah untuk menegakkan kebenaran dan mengajak manusia ke jalan Allah SWT serta membela agama-Nya. Pada sesi kali ini, marilah sama-sama kita menghayati topik perdebatan di dalam al-Quran, iaitu peranan al-Quran dalam membenarkan debat.

DEFINISI JADAL

Jadal atau Jidal ialah berdebat; bertukar fikiran dengan cara berlumba untuk mengalahkan lawan. Berasal daripada perkataan *الْحَبْلُ جَدَلْتُ* iaitu *فَتَلَّهُ أَحْكَمْتُ* (aku menguatkan ikatan tali itu), Oleh sebab itu, kedua-dua pihak yang berdebat itu mengukuhkan pendapat masing-masing.

Allah menyatakan bahawa jadal merupakan tabiat manusia, iaitu manusia itu sentiasa bertelagah dan bermusuhan seperti firman-Nya dalam surah al-Kahf, ayat 54:

وَلَقَدْ صَرَّفْنَا فِي هَذَا الْقُرْآنِ لِلنَّاسِ مِنْ كُلِّ مَثَلٍ وَكَانَ الْإِنْسَانُ أَكْثَرَ شَيْءٍ جَدَلًا

Maksudnya: *“Dan demi sesungguhnya, Kami telah huraikan dengan berbagai-bagai cara di dalam al-Quran ini untuk umat manusia, daripada segala jenis contoh bandingan; dan sememangnya manusia itu, sejenis makhluk yang banyak sekali bantahannya.”*

Syeikhul Azhar Syeikh Muhammad Sayyid Tantawi menyatakan maksud perdebatan (al-mujadalah) adalah menundukkan dan mengalahkan musuh melalui penegakan hujah serta bukti-bukti yang kukuh. (Lihat Adab al-Hiwar fi al-Islam, hlm. 4)

Ilmu perdebatan atau dikenali sebagai adab al-bahth walaupun berakar seawal daripada ilmu jadal dan logik (mantiq), ia sebenarnya ditemui dalam bentuk disiplin ilmu melalui penulisan Imam Ruknuddin al-Amidi dan Imam Syamsuddin al-Samarqandi. Sebelum itu, masyarakat Arab dan dunia Islam sudah pun mempraktikkan pelbagai teknik penghujahan seperti satira (al-hija'), saling mengkritik (al-naqa'id) dalam puisi, mujadalah dalam konteks al-Quran dan perselisihan (khilaf) serta dialektik dalam perbahasan fiqh dan akidah.

Menurut Syeikh Muhammad Abu Zahrah, terdapat tiga konsep perdebatan dalam Islam:

1. **Al-Jadal:** Tujuannya untuk menekan pihak lawan dan mengalahkannya pada peringkat menentukan dalil untuk menetapkan sesuatu keputusan bagi yang ditunjukkan (*istidlal*).
2. **Al-Munazarah:** Tujuannya adalah untuk mencapai kebenaran berhubung tajuk yang diperselisihkan pandangan oleh mereka yang berbincang tentangnya.
3. **Al-Mukabarah:** Tujuannya bukan untuk mengalahkan pihak lawan mahupun mencapai kebenaran tetapi untuk mengalih topik, populariti atau semata-mata kerana hajat tertentu atau tujuan-tujuan lain yang tidak akan membantu kepada kebenaran walaupun sedikit. (Lihat *Tarikh al-Jadal*, 5)

Berdasarkan konsep perdebatan yang dikemukakan oleh Syeikh Muhammad Abu Zahrah, ia jelas menunjukkan kepada kita bahawa perdebatan memerlukan sejumlah ilmu pengetahuan dan pengalaman berhubung isu yang hendak didebatkan atau dibincangkan dengan memahami inti pati topik (lubb al-maudu') dan titik perselisihan (mahal al-niza') dan akhirnya ditentukannya sehingga jawapan menunjukkan kepada natijah yang sebenar.

Dalam surah an-Nahl, ayat 125, Rasulullah SAW juga pernah diperintahkan agar berdebat dengan kaum Musyrikin dengan cara yang baik yang dapat menenggelamkan keganasan mereka.

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ۗ وَجَادِلْهُمْ بِلَا تِي هِيَ أَحْسَنُ ۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ
عَنْ سَبِيلِهِ ۗ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Maksudnya: "Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang

engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.”

Imam al-Qurtubi: Sekiranya ada keperluan untuk perdebatan, hendaklah dilakukan dengan baik demi mencari kebenaran. (Lihat al-Jami' li Ahkam al-Quran, 5/131). Imam al-Nasafi: Istilah al-Mujadalah atau perdebatan yang diadakan mestilah mengikut cara perbincangan yang terbaik dengan menjaga budi bahasa dan berlemah lembut. Al-Mujadalah yang boleh menggoreskan hati, menyakitkan jiwa dan merosakkan fikiran dilarang dalam Islam. (Lihat Tafsir Madarik al-Tanzil wa Haqaiq al-Takwil, 1/702). Mujadalah ialah nama bagi perbuatan jadal. Dalam ilmu perdebatan, jadal ialah perdebatan bukan dengan tujuan untuk menzahirkan kebenaran bahkan untuk mengalahkan lawan. Sebaliknya penggunaan jadal (debat) dalam al-Quran pula adalah dengan erti Muhawarah (dialog) kerana bertujuan mencari kebenaran. Dengan sebab itu, ia dikaitkan dengan perkataan atau cara yang lebih baik. (Lihat Uslub al-Hikmah, hlm. 60-61)

Imam al-Syaukani: Perdebatan yang dianjurkan dalam Islam adalah sebaik-baiknya seperti berbentuk perbincangan, forum atau penerangan yang berkesan, sejajar dengan arahan Allah SWT untuk berhujah secara rasional dan matang. (Tafsir Fath al-Qadir, 3/123)

Di samping itu, Allah membenarkan juga bermunazarah (perdebatan yang ditutup dengan saling bersumpah antara kedua-dua pihak) dengan ahli kitab dengan cara yang baik. Firman Allah SWT dalam surah al-Ankabut, ayat 46:

وَلَا تُجَادِلُوا أَهْلَ الْكِتَابِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ ۖ إِلَّا الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْهُمْ وَقُولُوا آمَنَّا بِالَّذِي أُنزِلَ إِلَيْنَا وَأُنزِلَ إِلَيْكُمْ وَالْهَنَا وَالْهَكُمْ وَاحِدٌ وَنَحْنُ لَهُ مُسْلِمُونَ

Maksudnya: *“Dan janganlah kamu berbahas dengan Ahli Kitab melainkan dengan cara yang lebih baik, kecuali orang-orang yang berlaku zalim di antara mereka; dan katakanlah (kepada mereka): ‘Kami beriman kepada (Al-Quran) yang diturunkan kepada kami dan kepada (Taurat dan Injil) yang diturunkan kepada kamu; dan Tuhan kami, juga Tuhan kamu, adalah Satu; dan kepada-Nyalah, kami patuh dengan berserah diri.”*

Sebagaimana matlamat munazarah, iaitu menzahirkan kebenaran sejati, membina hujah atas dasar kebenaran tersebut. Itulah kaedah mencakupi jadal al-Quran dalam memberi petunjuk kepada orang kafir dan menundukkan para penentangannya. Hal ini berbeza dan

bertentangan dengan perdebatan golongan yang berdebat memperturutkan hawa nafsu semata-mata yang bersaing dengan matlamat yang batil. Firman-Nya dalam surah al-Kahf, ayat 56:

وَمَا نُرْسِلُ الْمُرْسَلِينَ إِلَّا مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ ۚ وَيُجَادِلُ الَّذِينَ كَفَرُوا بِالْبَاطِلِ لِيُدْحِضُوا بِهِ الْحَقَّ وَاتَّخَذُوا
آيَاتِي وَمَا أُنذِرُوا هُزُوًا ٥٦

Maksudnya: “Dan tidak Kami mengutus Rasul-rasul, melainkan sebagai pemberi berita gembira dan pemberi amaran; dan orang-orang yang kafir membantah dengan alasan yang salah untuk menghapuskan kebenaran dengan bantahan itu; dan mereka jadikan ayat-ayat-Ku, dan amaran yang diberikan kepada mereka sebagai ejek-ejekan.”

METOD PERDEBATAN DI DALAM AL-QURAN

- Al-Quran dalam berdebat dengan penentangannya banyak mengemukakan dalil, bukti kuat yang dapat difahami oleh semua golongan tidak kira golongan awam mahupun pakar.
- Ia mematahkan hujah dengan bahasa yang pasti dan jelas sehingga dapat difahami oleh akal dengan mudah.
- Al-Quran tidak menggunakan metod atau cara ahli kalam (kalangan mutakallimin), iaitu dengan melakukan mukadimah dan natijah (kesimpulan), berdalil dengan sesuatu yang bersifat kulliy (universal) terhadap sesuatu yang bersifat juz'iy (bahagian) dalam perbandingan menyeluruh, berdalil dengan salah satu daripada dua bahagian atas yang lain dalam qiyas tamthil atau berhujah dengan analogi induktif. Perbezaan ini disebabkan oleh:
 - a. Al-Quran datang dalam bahasa Arab dan menyeru mereka dengan bahasa yang mereka ketahui.
 - b. Bersandar pada fitrah, tidak perlu penggunaan pemikiran mendalam dalam berhujah kerana lebih efektif dan berkesan.
 - c. Dalil tentang tauhid dan kebangkitan di akhirat dalam al-Quran merupakan dalil tertentu yang secara automatik dapat menunjukkan sesuatu makna tanpa harus mengikut kaedah qadiyah kulliyah.
- Syaikhul Islam Ibn Taimiyah berkata dalam kitabnya, Ar-Raddu ‘ala al-Mantiqiyyin: “Teori analogi yang dikemukakan oleh para pakar debat berkenaan ‘bukti-bukti kukuh’ untuk menetapkan adanya Tuhan yang Maha Suci, Tinggi sebenarnya sedikit pun tidak dapat menunjukkan sesuatu yang mutlak dan universal dan konsep

sebegini tidak akan terlepas daripada kemusyrikan. Hal ini demikian kerana:

- Jika ia adalah muhdas (baru) dan setiap yang baru pasti mempunyai muhdis (pencipta), atau
- Ini adalah sesuatu yang mungkin dan setiap yang mungkin harus mempunyai yang wajib, pernyataan seperti ini hanya menunjukkan muhdis mutlak atau wajib mutlak. Ia konsep yang tidak terlepas daripada kemusyrikan.”

Beliau mengulas lagi: “Dalil mereka (para pakar debat) ini tidak menunjukkan kepada sesuatu secara khas dan pasti, tidak menunjukkan kepada wajibul wujud atau yang lain. Tetapi ia hanya menunjuk kepada sesuatu yang bersifat kulli (universal), padahal sesuatu yang kulli (universal) itu konsepnya tidak terlepas daripada kemusyrikan. Dan sesiapa yang tidak mempunyai konsep tentang sesuatu yang bebas daripada kemusyrikan, maka ia bererti belum lagi mengenal Allah...” Ini berbeza dengan ayat-ayat yang disebut Allah dalam Kitab-Nya seperti dalam surah al-Baqarah, ayat 164:

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَالْفُلْكِ الَّتِي تَجْرِي فِي الْبَحْرِ بِمَا يَنْفَعُ النَّاسَ وَمَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ مَّاءٍ فَأَحْيَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَبَثَّ فِيهَا مِنْ كُلِّ دَابَّةٍ وَتَصْرِيفِ الرِّيْحِ وَالسَّحَابِ الْمُسَخَّرِ بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ

Maksudnya: *Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi; dan (pada) pertukaran malam dan siang; dan (pada) kapal-kapal yang belayar di laut dengan membawa benda-benda yang bermanfaat kepada manusia; demikian juga (pada) air hujan yang Allah turunkan dari langit lalu Allah hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta la biakkan padanya daripada berbagai-bagai jenis binatang; demikian juga (pada) peredaran angin dan awan yang tunduk (kepada kuasa Allah) terapung-apung di antara langit dengan bumi; sesungguhnya (pada semuanya itu) ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan Allah kekuasaan-Nya, kebijaksanaan-Nya, dan keluasan rahmat-Nya) bagi kaum yang (mahu) menggunakan akal fikiran.*

Pada makna: “Sesungguhnya dalam perkara yang demikian itu terdapat tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi kaum yang berakal, bagi kaum yang berfikir dan sebagainya. Itu menunjukkan kepada sesuatu yang tertentu sepertimana matahari yang merupakan tanda bagi siang hari.” Hal ini dijelaskan dalam surah al-Isra’, ayat 12:

وَجَعَلْنَا اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ آيَاتَيْنِ ۖ فَمَحْوَنًا آيَةً ۖ وَاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ مُبْصِرَةً ۖ لَتَبْتَغُوا فَضْلًا مِّن رَّبِّكُمْ ۚ وَلِتَعْلَمُوا عَدَدَ السِّنِينَ وَالْحِسَابَ ۚ وَكُلُّ شَيْءٍ فَصْلَانُهُ تَفْصِيلًا

Maksudnya: *“Dan Kami jadikan malam dan siang itu dua tanda (yang membuktikan*

kekuasaan Kami), maka Kami hapuskan tanda malam itu (sehingga menjadi gelap-gelita), dan Kami jadikan tanda siang itu terang-benderang supaya kamu mudah mencari rezeki daripada limpah kurnia Tuhan kamu, dan supaya kamu mengetahui bilangan tahun dan hitungan hisab (bulan dan hari); dan (ingatlah) tiap-tiap sesuatu (yang kamu perlukan untuk dunia dan agama kamu), Kami telah menerangkannya satu persatu (dalam al-Quran) dengan sejelas-jelasnya.”

Ayat-ayat di atas menunjukkan bahawa adanya Pencipta yang tunggal, iaitu Allah SWT yang berkuasa atas setiap ciptaan-Nya.

- Dalil-dalil mengenai ketauhidan-Nya, hari kebangkitan yang diberitakan-Nya dan bukti-bukti yang dibina untuk membuktikan kebenaran rasul-rasul-Nya tidak memerlukan kepada qiyas syumul atau qiyas tamthili.
- Dalil-dalil tersebut telah benar-benar menunjukkan kepada maknanya yang jelas dan pasti serta dapat difahami oleh akal manusia.
- Orang yang menggunakan hujah yang sukar difahami sebenarnya tidak mampu menegakkan hujah dengan pemikiran yang besar.
- Orang yang mempunyai ilmu pengetahuan mengenai makna-makna tersebut akan banyak pengetahuannya tentang ilmu al-Quran.
- Oleh itu, apabila Allah menyebutkan hujah mengenai perkara rububiyah (ketuhanan) dan wahdaniyah (keesaan)-Nya, sentiasa dihubungkan dengan mereka yang berakal, mendengar, berfikir dan yang mahu menerima pengajaran.

Misalnya dalam surah ar-Ra'd, ayat 4:

وَفِي الْأَرْضِ قِطْعٌ مُتَجَوِّرَاتٍ وَجَنَّاتٍ مِّنْ أَعْنَابٍ وَزُرْعٌ وَنَخِيلٌ صِنَوَانٍ وَغَيْرِ صِنَوَانٍ يُسْقَى بِمَاءٍ وَاحِدٍ
وَنُفُضِلٌ بَعْضُهَا عَلَى بَعْضٍ فِي الْأَكْلِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ

Maksudnya: “Dan di bumi ada beberapa potong tanah yang berdekatan (tetapi berlainan keadaannya); dan padanya ada kebun-kebun anggur, dan jenis-jenis tanaman serta pohon-pohon tamar (kurma) yang berumpun dan yang tidak berumpun; semuanya disiram dengan air yang sama; dan Kami lebihkan buah sesetengahnya daripada sesetengahnya yang lain (pada bentuk, rasa dan baunya). Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda kekuasaan Allah bagi orang-orang yang (mahu) berfikir serta memahaminya.”

Terdapat juga muncul daripada ayat-ayat al-Quran berkenaan kelembutan yang dihasilkan daripada penggunaan bukti-bukti rasional menurut metod ilmu kalam. Di antaranya ialah pembuktian tentang Pencipta alam ini hanya satu berdasarkan metode induksi yang diisyaratkan melalui firman-Nya dalam surah al-Anbiya', ayat 22:

لَوْ كَانَ فِيهِمَا آلِهَةٌ إِلَّا اللَّهُ لَفَسَدَتَا ۗ فَسُبْحَانَ اللَّهِ رَبِّ الْعَرْشِ عَمَّا يَصِفُونَ

Maksudnya: “Seandainya pada kedua-duanya (di langit dan di bumi) ada tuhan-tuhan selain Allah, tentu kedua-duanya telah binasa. Maha Suci Allah yang memiliki ‘Arsy, daripada apa yang mereka sifatkan.”

Seandainya alam ini mempunyai dua pencipta, tentulah pentadbiran kedua-dua tuhan itu tidak akan berjalan secara teratur dan kukuh. Hal ini disebabkan andai kata misalnya salah satu daripada kedua-duanya itu ingin menghidupkan sesuatu makhluk, sedangkan yang lain ingin mematikannya maka akan berlaku tiga kemungkinan:

- a) Keinginan kedua-duanya dilaksanakan, maka hal ini akan menimbulkan percanggahan kerana tidak mungkin berlaku pemisahan kerja andai kata berlaku kesepakatan di antara berdua. Juga tidak mungkin ada dua hal yang bercanggah dapat bersatu, jika tidak berlaku kesepakatan di antara kedua-duanya.
- b) Keinginan mereka tidak terlaksana, maka yang berlaku ialah kelemahan mereka.
- c) Keinginan salah satunya tidak terlaksana. Ini juga menyebabkan kelemahannya, padahal tuhan sifatnya tidaklah lemah.

JENIS PERDEBATAN DI DALAM AL-QURAN

Ia diklasifikasikan kepada **dua jenis**:

- 1) Terdapat pelbagai ungkapan mengenai ayat kauniyah yang disertai perintah supaya merenung dan berfikir untuk dijadikan dalil bagi penetapan dasar-dasar akidah seperti ketauhidan Allah sebagai zat yang disembah dan keimanan kepada malaikat-malaikat, kitab-kitab, rasul-rasul-Nya dan Hari Akhirat.

Ayat kauniyah ialah ayat atau tanda yang wujud di sekeliling yang diciptakan oleh Allah. Ayat-ayat ini adalah dalam bentuk benda, kejadian, peristiwa dan sebagainya yang ada di dalam alam ini. Oleh sebab alam ini hanya mampu dilaksanakan oleh Allah dengan segala sistem dan peraturan-Nya yang unik, maka ia menjadi tanda kehebatan dan keagungan Penciptanya.

Surah al-Baqarah, ayat 21-22:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اعْبُدُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿٢١﴾ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ فِرَاشًا
وَالسَّمَاءَ بِنَاءً وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنْ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَكُمْ ۖ فَلَا تَجْعَلُوا لِلَّهِ أَنْدَادًا وَأَنْتُمْ
تَعْلَمُونَ ﴿٢٢﴾

Maksudnya: “Wahai sekalian manusia! Beribadatlh kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan orang-orang yang terdahulu daripada kamu supaya kamu (menjadi orang-orang yang) bertakwa (21). Dialah yang menjadikan bumi ini untuk kamu sebagai hampan, dan langit (serta segala isinya) sebagai bangunan (yang dibina dengan kukuhnya); dan diturunkan-Nya air hujan dari langit, lalu dikeluarkan-Nya dengan air itu berjenis-jenis buah yang menjadi rezeki bagi kamu; maka janganlah kamu mengadakan bagi Allah sebarang sekutu, padahal kamu semua mengetahui (bahawa Allah ialah Tuhan Yang Maha Esa)(22).”

Surah al-Baqarah, ayat 163-164

وَاللَّهُمَّ إِلَهٌ وَحْدٌ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ ﴿١٦٣﴾ إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ
وَالنَّهَارِ وَالْفُلُوكِ الَّتِي تَجْرِي فِي الْبَحْرِ بِمَا يَنْفَعُ النَّاسَ وَمَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ مَاءٍ فَأَحْيَا بِهِ
الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَبَثَّ فِيهَا مِنْ كُلِّ دَابَّةٍ وَتَصْرِيفِ الرِّيْحِ وَالسَّحَابِ الْمُسَخَّرِ بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ
لَا يَأْتِ لِقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿١٦٤﴾

Maksudnya: “Dan Tuhan kamu ialah Tuhan yang Maha Esa; tiada Tuhan (Yang berhak disembah) selain Allah, yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani (163). Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi; dan (pada) pertukaran malam dan siang; dan (pada) kapal-kapal yang belayar di laut dengan membawa benda-benda yang bermanfaat kepada manusia; demikian juga (pada) air hujan yang Allah turunkan dari langit lalu Allah hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta la biakkan padanya daripada berbagai-bagai jenis binatang; demikian juga (pada) peredaran angin dan awan yang tunduk (kepada kuasa Allah) terapung-apung di antara langit dengan bumi; sesungguhnya (pada semuanya itu) ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan Allah, kekuasaan-Nya, kebijaksanaan-Nya, dan keluasan rahmat-Nya) bagi kaum yang (mahu) menggunakan akal fikiran(164).”

2) Membantah pendapat para penentang serta mematahkan hujah mereka. Perdebatan seperti ini mempunyai beberapa bentuk:

- a. Mengajukan soalan tentang perkara-perkara yang telah diiktiraf dan diterima secara positif oleh akal agar ia mengiktiraf apa yang awalnya diingkari, sepertimana penggunaan dalil dengan makhluk untuk menetapkan adanya Khalik (Pencipta). Surah at-Thur, ayat 35-43:

أَمْ خُلِقُوا مِنْ غَيْرِ شَيْءٍ أَمْ هُمُ الْخَالِقُونَ ﴿٣٥﴾ أَمْ خَلَقُوا السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ ۗ بَلْ لَا يُوقِنُونَ ﴿٣٦﴾ أَمْ عِنْدَهُمْ خَزَائِنُ رَيْكَ أَمْ هُمُ الْمُصِيطِرُونَ ﴿٣٧﴾ أَمْ لَهُمْ سُلَّمٌ يَسْتَمِعُونَ فِيهِ ۗ فَلْيَأْتِ مُسْتَمِعُهُمْ بِسُلْطَنٍ مُّبِينٍ ﴿٣٨﴾ أَمْ لَهُ الْبِنْتُ وَالْكَمُ الْبُنُونَ ﴿٣٩﴾ أَمْ تَسْأَلُهُمْ أَجْرًا فَهُمْ مِنْ مَّعْرَمٍ مَثْقَلُونَ ﴿٤٠﴾ أَمْ عِنْدَهُمُ الْغَيْبُ فَهُمْ يَكْتُمُونَ ﴿٤١﴾ أَمْ يُرِيدُونَ كَيْدًا ۗ فَالَّذِينَ كَفَرُوا هُمُ الْمَكِيدُونَ ﴿٤٢﴾ أَمْ لَهُمْ إِلَهٌ غَيْرُ اللَّهِ ۗ سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٤٣﴾

Maksudnya: “(Mengapa mereka tidak beriman?) Adakah mereka telah tercipta dengan tiada yang menciptanya, atau adakah mereka yang mencipta diri mereka sendiri?(35) Adakah mereka yang mencipta langit dan bumi itu? (Sudah tentu tidak!) Bahkan mereka adalah orang-orang yang tidak meyakini (kebenaran apa yang mereka pernah mengakuinya)(36). Adakah pada tangan mereka perbendaharaan Tuhanmu (sehingga mereka boleh memberi atau menahan sesuatu nikmat atau pangkat), atau merekalah yang berkuasa mentadbirkan segala-galanya? (37) Adakah mereka mempunyai tangga (untuk naik ke langit), yang dengannya mereka dapat mendengar (apa yang diperintahkan dan ditetapkan oleh Allah? Jika ada) maka biarlah orang mereka yang mendengar itu membawa sesuatu bukti yang menyatakan kebenarannya.(38) Adilkah (kamu sediakan) bagi Allah - anak-anak perempuan (yang kamu benci), dan untuk kamu - anak-anak lelaki (yang kamu sukai)?(39) Pernahkah engkau (wahai Muhammad) meminta sebarang bayaran kepada mereka (mengenai ajaran Islam yang engkau sampaikan), lalu mereka merasa berat menanggung bayaran itu (sehingga menjauhkan diri daripada menyahut seruanmu)?(40) Adakah pada sisi mereka (Lohmahfuz yang mengandungi) perkara-perkara yang ghaib, lalu mereka menyalin (daripadanya untuk menentang ajaran dan peringatanmu)?(41) (Mereka tidak cukup dengan kata-kata dan tuduhan-tuduhan yang buruk sahaja) bahkan mereka hendak melakukan rancangan jahat (terhadapmu wahai Muhammad; tetapi mereka tidak akan berjaya) kerana orang-orang yang kafir itulah yang akan ditimpa balasan rancangan jahatnya(42). (Apabila datangnya balasan rancangan jahat itu maka) adakah bagi mereka Tuhan (yang dapat menyelamatkan mereka) selain Allah? Maha Suci Allah daripada apa yang mereka sekutukan itu (43).”

- b. Menggunakan hujah yang berhubung kait secara langsung dengan asal mula kejadian dan hari kebangkitan. Surah Qaf ayat 15:

أَفَعَيَّبْنَا بِالْخَلْقِ الْأَوَّلِ بَلْ هُمْ فِي لَبْسٍ مِّنْ خَلْقٍ جَدِيدٍ ١٥

Maksudnya: “(Setelah mereka melihat dan memerhatikan makhluk-makhluk yang Kami ciptakan itu), maka adakah Kami telah lemah dengan ciptaan yang pertama itu (sehingga Kami tidak dapat mengadakannya semula? Tidak! Dan mereka pun tidak mengingkari kekuasaan Kami). Bahkan mereka berada dalam keadaan keliru dan ragu-ragu tentang ciptaan makhluk-makhluk (hidup semula) dalam bentuk yang baharu.”

Termasuklah menggunakan dalil yang berhubung kait dengan kehidupan bumi yang tandus dan kering untuk menetapkan kehidupan sesudah mati untuk dihisab. Surah Fussilat, ayat 39:

وَمِنَ آيَاتِهِ أَنْتَ تَرَى الْأَرْضَ خَاشِعَةً فَإِذَا أَنْزَلْنَا عَلَيْهَا الْمَاءَ اهْتَزَّتْ وَرَبَّتْنَا الَّذِي أَحْيَاهَا لَمُحِي الْمَوْتَى إِنَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya: “Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya, engkau melihat bumi kosong sepi (dalam keadaan kering dan tandus), maka apabila Kami menurunkan hujan menyimpannya, bergeraklah tanahnya serta suburilah tanamannya. Sesungguhnya Allah yang menghidupkannya sudah tentu berkuasa menghidupkan makhluk-makhluk yang telah mati; sesungguhnya Ia Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.”

- c. Menggunakan hujah yang berhubung kait secara langsung dengan asal mula kejadian dan hari kebangkitan. Surah Qaf, ayat 15:

أَفَعَيَّبْنَا بِالْخَلْقِ الْأَوَّلِ بَلْ هُمْ فِي لَبْسٍ مِّنْ خَلْقٍ جَدِيدٍ ١٥

Maksudnya: “(Setelah mereka melihat dan memerhatikan makhluk-makhluk yang Kami ciptakan itu), maka adakah Kami telah lemah dengan ciptaan yang pertama itu (sehingga Kami tidak dapat mengadakannya semula? Tidak! Dan mereka pun tidak mengingkari kekuasaan Kami). Bahkan mereka berada dalam keadaan keliru dan ragu-ragu tentang ciptaan makhluk-makhluk (hidup semula) dalam bentuk yang baharu.”

Termasuklah menggunakan dalil yang berhubung kait dengan kehidupan bumi yang tandus dan kering, untuk menetapkan kehidupan selepas mati untuk dihisab. Surah Fussilat, ayat 39:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ تَرَى الْأَرْضَ خَاشِعَةً فَإِذَا أَنْزَلْنَا عَلَيْهَا الْمَاءَ اهْتَزَّتْ وَرَبَتْ إِنَّ الَّذِي أَحْيَاهَا لَمُحْيِ الْمَوْتَى إِنَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya: “Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya, engkau melihat bumi kosong sepi (dalam keadaan kering dan tandus), maka apabila Kami menurunkan hujan menyimpannya, bergeraklah tanahnya serta suburlah tanamannya. Sesungguhnya Allah yang menghidupkannya sudah tentu berkuasa menghidupkan makhluk-makhluk yang telah mati; sesungguhnya Ia Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.”

d. Menggugurkan pendapat lawan dengan membuktikan perbezaan daripada yang dipegang oleh lawan. Surah al-An’am, ayat 91:

وَمَا قَدَرُوا اللَّهَ حَقَّ قَدْرِهِ إِذْ قَالُوا مَا أَنْزَلَ اللَّهُ عَلَى بَشَرٍ مِّن شَيْءٍ قُلْ مَنْ أَنْزَلَ الْكِتَابَ الَّذِي جَاءَ بِهِ مُوسَى نُورًا وَهُدًى لِلنَّاسِ تَجْعَلُونَهُ قَرَاطِيسَ تُبْدُونَهَا وَتُخْفُونَ كَثِيرًا وَعُلِمْتُمْ مَا لَمْ تَعْلَمُوا أَنْتُمْ وَلَا آبَاؤُكُمْ قُلِ اللَّهُ طَهُرٌ لَمْ يَرَهِمْ فِي خَوَاصِهِمْ يَلْعَبُونَ

Maksudnya: “Bertanyalah (kepada kaum Yahudi yang ingkar itu): ‘Siapakah yang menurunkan Kitab (Taurat) yang dibawa oleh Nabi Musa sebagai cahaya dan petunjuk bagi manusia, yang kamu jadikan dia lembaran-lembaran kertas, sambil kamu perlihatkan (kepada orang ramai sebahagian kecil daripadanya) dan kamu sembunyikan kebanyakannya; sedang kamu pula diajarkan (dengan pengajaran-pengajaran yang terkandung di dalamnya), yang tidak diketahui oleh kamu (sebelum itu) dan tidak juga oleh datuk nenek kamu?’ Katakanlah (kepada mereka): ‘Allah jualah (yang menurunkannya)’, kemudian, biarkanlah mereka leka bermain-main dalam kesesatannya.”

Ayat ini sebenarnya sedang mematahkan dakwaan Musyrikin Arab yang mengharamkan sebahagian haiwan tanpa dalil. Firman Allah dalam surah al-An’am, ayat 142-144.

وَمِنَ الْأَنْعَامِ حَمُولَةٌ وَفَرَشَاءٌ كُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿١٤٢﴾ تَمَنِّيَةَ أَزْوَاجٍ مِّنَ الضَّأْنِ اثْنَيْنِ وَمِنَ الْمَعْزِ اثْنَيْنِ قُلْ ءَالذَّكْرَيْنِ حَرَّمَ أَمِ الْأُنثَيَيْنِ أَمَا اسْتَمَلْتِ عَلَيْهِ أَرْحَامٌ

الْأَنْثَيْنِ ۖ نَبِيُونِي بِعِلْمٍ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿١٤٢﴾ وَمِنَ الْإِبِلِ اثْنَيْنِ وَمِنَ الْبَقَرِ اثْنَيْنِ ۗ قُلْ ءَالذَّكَرَيْنِ حَرَّمَ أَمِ الْإُنثَيْنِ
 أَمَّا أَشْتَمَلْتُ عَلَيْهِ أَرْحَامُ الْإُنثَيْنِ ۖ أَمْ كُنْتُمْ شُهَدَاءَ إِذْ وَصَّيْنَاكُمُ اللَّهُ بِهِذَا ۗ فَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ أَفْتَرَىٰ عَلَىٰ
 اللَّهِ كَذِبًا لِيُضِلَّ النَّاسَ بِغَيْرِ عِلْمٍ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ

Maksudnya: “Dan di antara binatang-binatang ternak itu, ada yang dijadikan untuk pengangkutan, dan ada yang untuk disembelih. Makanlah daripada apa yang telah dikurniakan oleh Allah kepada kamu, dan janganlah kamu menurut jejak langkah syaitan; kerana sesungguhnya syaitan itu musuh bagi kamu yang terang nyata (142) (Binatang ternak itu) delapan ekor - (empat) pasangan; daripada kambing biri-biri dua ekor (sepasang jantan betina), dan daripada kambing biasa dua ekor (sepasang jantan betina). Tanyalah (wahai Muhammad kepada orang-orang musyrik itu): ‘Adakah yang diharamkan Allah itu, dua jantannya atau dua betinanya, atau yang dikandung oleh rahim dua betinanya? Terangkanlah kepadaku dengan berdasarkan ilmu pengetahuan (syarak daripada Allah yang menjadi dalil tentang haramnya), jika betul kamu orang-orang yang benar.’ (143) Dan daripada dua ekor unta (sepasang jantan betina), dan daripada dua ekor lembu (sepasang jantan betina). Tanyalah (wahai Muhammad): ‘Adakah yang diharamkan Allah itu dua jantannya atau dua betinanya, atau yang dikandung oleh rahim dua betinanya? Ataupun kamu ada menyaksikan ketika Allah menyuruh serta menentukan kepada kamu (atau kepada datuk nenek kamu) dengan yang demikian ini?’ Oleh itu, siapakah yang lebih zalim daripada orang yang berdusta terhadap Allah untuk menyesatkan manusia dengan tidak berdasarkan ilmu pengetahuan? Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada kaum yang zalim(144).”

- e. Mengalahkan hujah lawannya dengan mendedahkan bahawa pandangan lawannya itu tidak diiktiraf oleh sesiapa pun. Surah al-An’am, ayat 100-101

وَجَعَلُوا لِلَّهِ شُرَكَاءَ الْجِنَّ وَخَلَقَهُمْ ۖ وَخَرَفُوا لَهُۥٓ بَيْنِينَ ۚ وَبَنَاتٍ بِغَيْرِ عِلْمٍ ۗ سُبْحٰنَهُۥٓ وَتَعَالٰى عَمَّا يَصِفُونَ ﴿١٠٠﴾ ۗ بَدِيعُ
 السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضِ ۗ اَنۡىٰ يَكُوْنُ لَهُۥٓ وَلَدٌ ۗ وَلَمْ تَكُنْ لَهُۥٓ صٰحِبَةً ۖ وَخَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ ۗ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيْمٌ

Maksudnya: “Dan mereka menjadikan jin sekutu bagi Allah, padahal Allah jualah yang mencipta jin-jin itu; dan mereka berdusta terhadap Allah dengan mengada-adakan bagi-Nya anak-anak lelaki dan anak-anak perempuan, dengan tidak berdasarkan sebarang pengetahuan. Maha Suci Allah dan Maha Tinggilah Ia daripada apa yang mereka sifatkan! (100) (Dialah) yang menciptakan langit dan bumi. Bagaimanakah Ia mempunyai anak sedang Ia tidak mempunyai isteri? Ia pula yang menciptakan tiap-tiap sesuatu, dan Dialah Yang Maha Mengetahui akan segala-galanya(101).”

Ayat ini menegaskan bahwa Allah tidak mempunyai anak kerana proses anak tidak mungkin berlaku daripada sesuatu yang tunggal. Adanya kelahiran itu adalah proses dua individu, padahal Allah tidak mempunyai isteri. Dia menciptakan segala sesuatu dan sifat yang demikian ini sangat-sangat berbeza.

ADAB DALAM BERDEBAT

Para ulama menggariskan beberapa etika penting dalam memastikan satu-satu perdebatan itu berlangsung dengan adil. Para ulama silam antaranya Syeikh Abd al-Rahman Habannakah al-Maidani dan Syeikh Ibn Taimiyyah menyebutkan di dalam kitabnya berkenaan adab munazarah atau berdebat. Antara yang dinyatakannya:

I. Niat yang benar bagi menolong kebenaran serta berdakwah kepada agama Allah. Pada saat yang sama, meninggalkan riyak (suka kepada amalan kebbaikannya dilihat orang), suma'ah (sifat suka kepada amalan kebbaikannya didengar orang) serta untuk memperoleh pangkat dan kemegahan).

II. Mencari kebenaran dan menghindari ketaasuban serta bersedia sepenuhnya untuk menerima kebenaran ketika nyata dan terzahirnya ia. Para ulama telah membahagikan perdebatan kepada dua:

- Perdebatan yang dikeji.
- Perdebatan yang terpuji.

Terdapat dua sebab wujudnya perdebatan yang dikeji, iaitu:

- Perdebatan tanpa ilmu.
- Perdebatan dengan taasub dan palsu semata-mata untuk memenangkan kebatilan selepas zahirnya kebenaran.

Perdebatan yang terpuji adalah yang benar dan merupakan nasihat daripada agama. Benarlah firman Allah SWT dalam surah an-Nahl, ayat 125:

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ

Maksudnya: “Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik.”

III. Hendaklah pendebat menghiasi diri dengan akhlak Islam yang tinggi ketika berlaku perdebatan dengan ucapan yang manis, jauh daripada cercaan dan melukakan maruah, menghina dan mengejek serta merendahkan-rendahkan orang lain dan pandangan mereka.

IV. Beriltizam ketika berdebat dengan kaedah mantiq yang sempurna tanpa campur aduk dengan falasi dan bergantung kepada fakta yang salah dan menyeleweng.

PENUTUP

Disebut dalam Musnad Ahmad (29/85) bahawa Abu al-‘Aliyah berkata: Dua ayat yang paling besar ancamannya terhadap mereka yang memperdebat al-Quran termasuklah sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Ghafir, ayat 4:

مَا يُجَادِلُ فِي آيَاتِ اللَّهِ إِلَّا الَّذِينَ كَفَرُوا فَلَا يَغْرُرُكَ تَقَلُّبُهُمْ فِي الْبِلَادِ

Maksudnya: “Tidak ada yang membantah mengenai ayat-ayat Allah melainkan orang-orang yang kafir.”

Surah al-Baqarah, ayat 176:

ذَلِكَ بِأَنَّ اللَّهَ نَزَّلَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ وَإِنَّ الَّذِينَ اخْتَلَفُوا فِي الْكِتَابِ لَفِي شِقَاقٍ بَعِيدٍ

Maksudnya: “Dan sesungguhnya orang-orang yang berselisihan mengenai (kebenaran) kitab, itu sebenarnya mereka adalah dalam keadaan berpecah-belah yang jauh (daripada mendapat petunjuk hidayah Allah).”

Sebagai penutup sesi kali ini, semoga kita terhindar daripada mengolongan yang mengingkari ayat-ayat Allah dan mendebatkannya ke arah kebatilan.

SESI KEEMPAT

TERJEMAHAN AL-QURAN

1. HASIL PEMBELAJARAN:

- Peserta akan memahami secara terperinci apa yang dimaksudkan dengan terjemah, dapat mengidentifikasi terjemahan secara harfiah dan tafsiriyah serta mengetahui perbahasan para ulama mengenai hukum membaca terjemahan dalam solat.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Definisi Terjemahan al-Quran
- Hukum Terjemah Secara Harfiah
- Hukum Terjemahan Secara Tafsiriyah
- Bacaan dalam Solat dengan Selain Bahasa al-Quran

SESI KELIMA: TERJEMAHAN QURAN

PENDAHULUAN

Al-Quran merupakan kalamullah yang diturunkan kepada Rasulullah SAW dalam sebagai petunjuk dan panduan kepada umat Islam. Berdasarkan maksud ayat daripada surah Ibrahim, ayat 4:

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رَّسُولٍ إِلَّا بِلِسَانِ قَوْمِهِ لِيُبَيِّنَ لَهُمْ فَيُضِلُّ اللَّهُ مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي مَنْ يَشَاءُ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

Maksudnya: “Dan Kami tidak mengutuskan seseorang Rasul melainkan dengan bahasa kaumnya supaya ia menjelaskan (hukum-hukum Allah) kepada mereka. Maka Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendaki oleh-Nya (menurut undang-undang peraturan-Nya), juga memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang dikehendaki oleh-Nya (menurut undang-undang peraturan-Nya); dan Dialah jua Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.”

Berdasarkan ayat di atas, diutuskan para rasul mengikut jenis dan bahasa sesebuah kaum adalah sebagai penerang dan penyampai kepada kaum tersebut. Ibnu Kathir telah mentafsirkan lagi ayat berikut di dalam karyanya bahawa ia adalah salah satu daripada rahmat dan kasih sayang Allah SWT dengan mengutuskan seseorang rasul mengikut bangsa dan kaumnya supaya dapat memberi kefahaman daripada apa yang ingin disampaikan oleh-Nya.

Oleh sebab itu, turunnya wahyu Allah SWT dalam bahasa Arab kerana Rasulullah SAW lahir dari masyarakat Arab dan berperanan sebagai pemberi kefahaman kepada masyarakat tersebut. Sesungguhnya Allah SWT juga telah menyatakan tujuan penurunan al-Quran dalam bahasa Arab sebagai penerang dan penjelas di dalam firman-Nya surah Fussilat, ayat 3:

كِتَابٌ فَصَّلَتْ آيَاتُهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ

Maksudnya: “Sebuah Kitab yang dijelaskan ayat-ayatnya satu per satu: iaitu al-Quran yang diturunkan dalam bahasa Arab bagi faedah orang-orang yang mengambil tahu dan memahami kandungannya”.

Oleh itu, mari kita melihat fungsi terjemahan sebagai medium dalam membantu umat Islam memahami kalam-kalam Allah yang mulia.

DEFINISI

Bahasa

- Perkataan “terjemah” berasal daripada bahasa Arab, iaitu “tarjam” yang membawa erti kepada beberapa maksud. Antaranya, membawa maksud pentafsiran atau penerangan dengan menggunakan bahasa lain. Maksud ini berdasarkan kepada penjelasan Ibn Manzur yang mengatakan bahawa terjemah itu ialah mentafsirkan sesuatu kalimat dengan menggunakan bahasa lain.
- “Tarjam” juga membawa maksud memindahkan sesuatu kalimat daripada satu bahasa ke bahasa lain. Hal ini berdasarkan kepada penjelasan Ibnu Hajar yang berbunyi “Al-turjuman ialah orang yang menterjemahkan (kalam) daripada sesuatu bahasa (bahasa sumber) kepada bahasa yang lain (bahasa sasaran).”

Istilah

- Daripada definisi-definisi di atas, maka dapatlah disimpulkan bahawa makna terjemahan dari sudut bahasa ialah mentafsirkan sesuatu perkataan atau ayat dengan menggunakan bahasa lain dan memindahkan makna perkataan atau ayat daripada sesuatu bahasa kepada bahasa lain tanpa diberi sebarang penjelasan.
- Terjemahan al-Quran bermaksud memindahkan makna sesuatu perkataan atau ayat al-Quran daripada bahasa asalnya kepada bahasa tanpa penjelasan. Ini dilakukan dengan memelihara nuzum dan uslub bahasa asal al-Quran tanpa membuat sebarang perubahan pada maknanya.

- Kata terjemah dapat digunakan dalam dua erti:

a. **Terjemah harfiyah:** Memindahkan lafaz-lafaz daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran dan pemindahan itu menyebabkan berlakunya persamaan antara susunan ayat bahasa sumber dengan susunan ayat bahasa sasaran.

Al-Zarqani menyebut bahawa terjemahan harfiyah ialah **terjemahan kata demi kata** di samping memelihara susunan dan urutan kata-kata teks sumber ke dalam teks bahasa sasaran. Terjemahan jenis ini juga dikenali sebagai terjemahan lafziyyah atau terjemahan musawiyah.

Kesimpulannya, terjemahan harfiyah ialah memindahkan perkataan bahasa sumber kepada bahasa sasaran di samping memelihara struktur dan susunan antara kedua-dua

bahasa tersebut berdasarkan kaedah bahasa sasaran dengan syarat terjemahan yang dihasilkan mesti mengekalkan makna dan pengertian makna bahasa sumber.

b. **Terjemah tafsiriyah atau terjemah maknawiyah:** Menjelaskan makna perkataan sesuatu bahasa dengan bahasa lain tanpa terikat secara ketat dengan kata-kata daripada bahasa asal atau memperhatikan susunan kalimahya.

Contoh terjemahan pada surah az-Zukhruf, ayat 3:

إِنَّا جَعَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ

Maksudnya: Sesungguhnya Kami jadikan Kitab itu sebagai Quran yang diturunkan dengan bahasa Arab supaya kamu (menggunakan akal) memahaminya.

- Maka terjemahan harfiyah adalah dengan cara menterjemahkan huruf demi huruf dalam ayat berikut; pertama menterjemahkan **إِنَّا**, kemudian **جَعَلْنَاهُ**, diikuti dengan **قُرْآنًا** dan **عَرَبِيًّا** sehinggalah seterusnya.
- Terjemahan maknawiyah dengan cara menterjemahkan makna ayat secara keseluruhan tanpa mengambil kira susunan dan tertib bahasa asal.

HUKUM TERJEMAH SECARA HARFIYAH

Ibn Qutaybah dan Abu Ishaq al-Shatibi bersepakat menolak kemungkinan al-Quran boleh diterjemahkan secara harfiah kerana kedudukan bentuk bahasanya ada yang terdiri daripada majaz atau metafora, balaghi atau figuratif dan sebagainya yang merupakan sesuatu yang mustahil untuk diterjemahkan mengikut kaedah bahasanya yang sebenar.

Al-Qamhawi menerangkan bahawa seseorang itu tidak mungkin mampu untuk menterjemahkan al-Quran kepada bahasa lain kerana kalau ada pun terjemahan yang dilakukan, itu hanya sebahagian daripada maksud al-Quran dan sukar baginya menyampaikan sebahagian maksudnya yang lain. Oleh yang demikian, kebanyakan ulama silam telah sepakat bahawa terjemahan al-Quran secara harfiah semata-mata adalah mustahil dan ia tidak harus dilakukan.

Begitu juga menurut ulama mutaakhirin seperti Muhammad bin Salih al-Uthaymin. Beliau mengatakan ketika dalam satu persidangan fatwa Arab Saudi yang dihadiri oleh Abdullah ibn Mani, Abdullah ibn Ghadyan, Abd al-Razzaq Afyfi dan diketuai oleh Mufti Arab Saudi, iaitu Abdullah ibn al-Baz mengeluarkan fatwa mengenai hukum penterjemahan sebegini adalah tidak diharuskan kerana ia dilakukan mengikut susunan serta tertib perkataan semata-mata tanpa melihat kepada konteks keseluruhan ayat dan kehendaknya yang sebenar.

Muhammad Rashid Rida dalam kitabnya Fatwa al-Manar fi Tarjamat al-Quran. Beliau menyebut bahawa penterjemahan cara ini mustahil dilakukan dan ditegah oleh agama kerana ia merupakan satu jenayah kepada Islam dan umatnya disebabkan kemungkinan terjemahan yang dilakukan tidak menepati kehendak Allah SWT.

Muhammad al-Khidr Husayn berpendapat apabila terjemahan al-Quran itu hanya merupakan penggantian lafaz Arabnya dengan lafaz bahasa bukan Arab, maka kebanyakan ayat tersebut tidak mungkin dapat diterjemahkan dengan cara baik dan teratur. Oleh itu, menterjemah al-Quran keseluruhannya bukanlah satu kerja mudah meskipun hanya ditumpukan pada makna harfiah sahaja, bahkan pada sebahagian ayat ia mendatangkan makna yang menyeleweng daripada maksud yang dikehendaki.

Muhammad Hasanain Makhluf kerana beliau berpendapat terjemahan harfiah ini mempunyai unsur mengubah susunan bahasa al-Quran dan menimbulkan pelbagai gaya terjemahan mengikut daya pemikiran seseorang penterjemah yang menterjemahkan al-Quran tersebut. Muhammad Hasanin al-Adawi berpendapat bahawa penterjemahan al-Quran secara harfiah ini dilarang oleh syarak kerana ia merupakan suatu penciptaan atau pemindahan terhadap susunan asli al-Quran, bahkan dikhuatiri akan diselewengkan pengertiannya sebagaimana yang berlaku kepada kitab Taurat dan Injil.

Kesimpulannya, **mustahil penterjemahan al-Quran dilakukan dengan menggunakan kaedah ini kerana perbendaharaan maknanya yang amat luas sukar untuk disamakan dalam bahasa sasaran yang lain.** Abu Abdullah Alawi mendatangkan contoh daripada al-Quran sebagaimana firman Allah SWT dalam surah az-Zariyat, ayat 47:

وَالسَّمَاءَ بَنَيْنَاهَا بِأَيْدٍ وَإِنَّا لَمُوسِعُونَ

Maksudnya: “Dan langit itu Kami dirikan dengan kekuasaan Kami (dalam bentuk binaan yang kukuh rapi). Dan sesungguhnya Kami mempunyai kekuasaan yang luas tidak terhingga.”

Jika dilihat maksudnya berdasarkan terjemahan harfiah pada ayat 47 daripada surah az-Zariyat ini ialah “... dan langit itu Kami bina dengan tangan (Kami) ...”. Terjemahan ayyidin اَيْدِيَّ ke dalam bahasa Melayu dengan lafaz “tangan”, terikat dengan lafaz asalnya dan ia tidak sepatutnya dilakukan kerana terjemahan tersebut menggambarkan Allah itu “bertangan” dan tangan itu sebahagian tanda daripada sifat makhluk-Nya. Sekiranya terjemahan ini dikekalkan dengan maksud “tangan”, ia akan merosakkan sebahagian akidah umat Islam kerana Allah itu sedikit pun tidak menyerupai sifat-sifat makhluknya sebagaimana firman Allah dalam surah ash-Syura, ayat 11:

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ

Maksudnya: “Tiada sesuatu pun yang sebanding dengan (Zat-Nya, sifat-sifat-Nya, dan pentadbiran-Nya). “

Maka dengan itu, terjemahan kalimah ayyidin yang paling sesuai dengan makna konteksnya yang sebenarnya di dalam bahasa Melayu ialah “kekuasaan” dan bukannya “tangan”. Walau bagaimanapun, sekiranya terjemahan sebegini masih hendak dikekalkan, ia dibolehkan jika penerangan yang jelas terhadap makna konteks ayat dan maksud dilakukan.

HUKUM TERJEMAHAN SECARA TAFSIRIYAH

Penterjemahan al-Quran dengan mentafsirkannya ke dalam bahasa penerima adalah diharuskan, bahkan dituntut agar isi kandungan al-Quran ini benar-benar difahami oleh semua umat Islam. Pendapat ini disokong Abdullah Ibn Umar al-Baydawi dalam kitabnya, Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta’wil yang menjelaskan firman Allah dalam surah an-Nahl, ayat 44:

بِالْبَيِّنَاتِ وَالزُّبُرِ ۗ وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ

Maksudnya: (Kami utuskan Rasul-rasul itu) membawa keterangan-keterangan yang jelas nyata (yang membuktikan kebenaran mereka) dan Kitab-kitab Suci (yang menjadi panduan); dan Kami pula turunkan kepadamu (wahai Muhammad) al-Quran yang memberi peringatan **supaya engkau menerangkan** kepada umat manusia akan apa yang telah diturunkan kepada mereka, dan supaya mereka memikirkannya.

Perkataan litubayyina لَتُبَيِّنَ yang bermaksud “agar kamu menerangkan” ditafsirkan oleh al-Baydawi sebagai “agar kamu menterjemahkannya”.

Kebanyakan para ulama seperti Abu Hanifah, Muhammad al-Shaybani, al-Ghazali, al-Syatibi dan lain-lain mengambil pengajaran daripada ayat ini dan menyatakan harus menterjemahkan al-Quran secara tafsiran ini untuk disampaikan ke dalam bahasa-bahasa lain. Dalam ayat yang lain, Allah SWT juga berfirman dalam surah ad-Dukhan, ayat 58:

فَإِنَّمَا يَسَّرْنَاهُ بِلِسَانِكَ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ

Maksudnya: “Maka sesungguhnya tujuan Kami memudahkan al-Quran dengan bahasamu (wahai Muhammad) adalah supaya mereka (yang memahaminya) beringat dan insaf (untuk beriman dan mematuhi).”

Dalam ayat di atas, ia menunjukkan bahawa terjemahan tafsiran ini diharuskan kerana Rasulullah SAW diutuskan kepada seluruh manusia yang bertutur dengan bahasa yang berbeza-beza dan Baginda SAW tidak diutuskan kepada bangsa Arab semata-mata. Oleh yang demikian, menterjemahkan makna al-Quran ke dalam bahasa-bahasa bukan Arab untuk memudahkan umat manusia yang bukan Arab memahami ajaran Islamnya adalah digalakkan.

As-Shaykh Muhammad ‘Abd al-‘Azim al-Zarqani menukilkan pandangan al-Maraghi yang menyebut bahawa penterjemahan al-Quran secara tafsiran ini dibenarkan oleh syarak kerana di dalamnya terdapat penjelasan terhadap makna-makna ayat al-Quran yang tidak difahami.

Menurut Syeikh Dr. Wahbah al-Zuhaili, syarak membenarkan penterjemahan tafsiran al-Quran ini tetapi ia tidak boleh disamakan nilai dengan al-Quran kerana terjemahan tidak dikira sebagai al-Quran sekalipun diterjemahkan secara terperinci dan teliti. Berdasarkan pendapat ulama sebelum ini, mereka sepakat membenarkan penterjemahan al-Quran secara tafsiran ini kerana ia hanya menterjemahkan makna al-Quran kepada mana-mana bahasa kedua berserta huraian setiap ayat al-Quran yang kurang difahami maknanya.

Berdasarkan pendapat ulama seperti yang dinyatakan di atas, mereka sepakat membenarkan penterjemahan al-Quran secara tafsiran ini kerana ia hanya

menterjemahkan makna al-Quran kepada mana-mana bahasa kedua berserta huraian setiap ayat al-Quran yang kurang difahami maknanya. Sebagai contoh, Allah SWT berfirman dalam surah al-Isra', ayat 29:

وَلَا تَجْعَلْ يَدَكَ مَغْلُولَةً إِلَىٰ عُنُقِكَ وَلَا تَبْسُطْهَا كُلَّ الْبَسْطِ فَتَقْعُدَ مَلُومًا مَّحْسُورًا

Maksudnya: *Dan janganlah engkau jadikan tanganmu terbelenggu di lehermu, dan janganlah pula engkau menghulurkannya dengan sehabis-habisnya kerana akibatnya akan tinggallah engkau dengan keadaan yang tercela serta kering keputusan.*

Jika difahami berdasarkan makna yang diberikan, maka ia boleh menimbulkan kekeliruan sebahagian masyarakat kerana dikhuatiri akan menganggap larangan Allah dalam ayat tersebut ialah meletakkan tangan pada leher dan menghulurkannya, sedangkan ia merupakan satu ungkapan peribahasa Arab. Maksud “tangan di leher” ialah “tangan terikat” dengan tidak memberi infak atau tolong orang lain, iaitu merasakan sangat susah untuk infak atau bersedekah. Mereka rasa susah sangat nak mengeluarkan duit sebagai bantuan sampaikan rasa macam kena cekik kalau kena dikeluarkan juga duit itu. Mereka yang dimaksudkan ialah orang kedekut sangat untuk mengeluarkan duit.

Justeru, terjemahan yang membawa maksud sebenar dan mudah difahami bagi ayat ini ialah terjemahan tafsiran amat diperlukan supaya masalah seperti ini tidak timbul lagi pada sebahagian ayat-ayat al-Quran yang seumpama dengannya. Oleh itu, terjemahan yang sepatutnya bagi ayat ini ialah “Janganlah kamu berlaku bakhil, tetapi jangan pula terlalu boros”.

Maksud di sebalik penterjemahan tafsiran tersebut boleh diteliti berdasarkan kajian yang ditulis oleh Abd al-Muta`al Sa`idi dan Abu Abdullah `Alawi bahawa ayat-ayat al-Quran itu terdiri daripada dua jenis, iaitu ayat al-muhkamat dan ayat al-mutashabihat.

Ayat-ayat al-Quran itu terdiri daripada dua jenis, iaitu:

- I. Ayat al-muhkamat
- II. Ayat al-mutasyabihat

Ayat al-muhkamat ialah ayat-ayat yang jelas maksud dan kehendaknya, sedangkan ayat al-mutasyabihat adalah sebaliknya kerana berlaku beberapa pengalihan makna terhadapnya berdasarkan gaya-gaya bahasanya yang tertentu. Ayat al-mutashabihat boleh difahami tujuan maksudnya berdasarkan dua pecahannya yang utama, iaitu makna qarib (dekat) dan makna ba'id. Makna qarib ialah maksud yang difahami berdasarkan zahir ayat tersebut, sedangkan ma'na ba'id ialah maksud yang difahami berdasarkan pengalihan maksud daripada zahir makna ayat kepada maksud lain yang dikehendaki.

Contohnya dalam surah al-Isra', ayat 88:

وَلَا تَدْعُ مَعَ اللَّهِ إِلَهًا آخَرَ مَلَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ ۚ كُلُّ شَيْءٍ هَالِكٌ إِلَّا وَجْهَهُ ۚ لَهُ الْحُكْمُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ

Maksudnya: *“Dan janganlah engkau menyembah tuhan yang lain bersama-sama Allah. Tiada Tuhan melainkan Dia. Tiap-tiap sesuatu akan binasa melainkan Zat Allah. Bagi-Nyalah kuasa memutuskan segala hukum, dan kepada-Nyalah kamu semua dikembalikan (untuk dihitung amal masing-masing dan menerima balasan).”*

Maksudnya berdasarkan terjemahan harfiah yang sebenar ialah “Tiap-tiap sesuatu pasti binasa kecuali wajah-Nya”. Perkataan وَجْهَهُ boleh diteliti melalui makna qarib dan makna ba'id. Makna qarib menjelaskan maksudnya sebagai “wajah” dan bukan ini makna yang dikehendaki kerana ia bersalahan dengan iktikad ahl al-sunnah wa al-jama'ah yang beriman bahawa Allah itu tidak boleh diserupakan dengan apa-apa jua sifat makhluknya, sedangkan “wajah” itu merupakan sebahagian sifat makhluk dan Maha Suci Allah daripada bersifat sedemikian. Makna ba'id menyatakan bahawa maksud asalnya dialihkan kepada makna lain yang kehendaki oleh para ulama, iaitu “Allah” dan Zat-Nya.

Contoh lain adalah pada surah al-Hadid, ayat 4:

هُوَ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ اسْتَوَىٰ عَلَى الْعَرْشِ ۚ يَعْلَمُ مَا يَلِجُ فِي الْأَرْضِ وَمَا يَخْرُجُ مِنْهَا وَمَا يَنْزِلُ مِنَ السَّمَاءِ وَمَا يَعْرُجُ فِيهَا ۗ وَهُوَ مَعَكُمْ أَيْنَ مَا كُنْتُمْ ۗ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ۚ

Maksudnya: *“Dialah yang telah menciptakan langit dan bumi dalam enam masa, kemudian la bersemayam di atas Arasy; la mengetahui apa yang masuk ke bumi serta apa yang keluar daripadanya; dan apa yang diturunkan dari langit serta apa yang naik padanya. Dan*

la tetap bersama-sama kamu di mana sahaja kamu berada, dan Allah Maha Melihat akan apa yang kamu kerjakan.”

Tumpuan kita adalah pada kalimah:

وَهُوَ مَعَكُمْ أَيْنَ مَا كُنْتُمْ

Maksudnya: *“Dan la tetap bersama-sama kamu di mana sahaja kamu berada.”*

Makna qarib menjelaskan maksud perkataan هُوَ sebagai “Zat Allah”. Imam Abu Hasan al-Ash’ari menyebutkan bahawa mustahil menisbahkan Zat Allah bersama-sama dengan makhluknya kerana tiada siapa yang mampu membahaskan mengenai Zat Allah pada hakikatnya. Zat dan sifat merupakan dua perkara yang amat berbeza antara satu sama lain. Makna ba’id menyatakan bahawa maksud asalnya dialihkan kepada makna lain yang kehendaki oleh para ulama, iaitu “sifat Allah yang Maha Mengetahui”. Justeru, terjemahan yang sepatutnya untuk ayat ini ialah “... sifat-Nya yang Maha Mengetahui itu sentiasa bersama kamu di mana sahaja kamu berada ...”

BACAAN DALAM SOLAT DENGAN SELAIN BAHASA AL-QURAN

Umum mengetahui bahawa para rasul diutus oleh Allah mengikut jenis dan bahasa sesebuah kaum adalah sebagai penerang dan penyampai kepada kaum tersebut. Ia adalah salah satu tanda rahmat dan kasih sayang Allah SWT dengan mengutuskan seseorang rasul mengikut bangsa dan kaumnya supaya dapat memberi kefahaman daripada apa yang ingin disampaikan oleh-Nya.

Demikian itu turunnya wahyu Allah SWT dalam bahasa Arab kerana Rasulullah SAW lahir daripada masyarakat Arab dan berperanan sebagai pemberi kefahaman kepada masyarakatnya. Sesungguhnya Allah SWT juga telah menyatakan tujuan penurunan al-Quran dalam bahasa Arab sebagai penerang dan penjelasan di dalam firmannya pada surah Fussilat, ayat 3:

كِتَابٌ فَصَّلْتُ آيَاتِهِ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ

Maksudnya: *“Sebuah Kitab yang dijelaskan ayat-ayatnya satu per satu, iaitu al-Quran yang diturunkan dalam bahasa Arab bagi faedah orang-orang yang mengambil tahu dan memahaminya.”*

Ibn Kathir telah mentafsirkan ayat tersebut bahawa al-Quran itu berperanan dalam menjelaskan makna dan hukum-hukum bagi sesuatu ayat. Oleh itu, dalam isu ini membaca al-Quran hendaklah dibaca dalam bahasa Arab kerana sejak awal ia sememangnya diturunkan dalam bahasa tersebut. Imam Nawawi ada menyatakan hukum membaca al-Quran selain bahasa Arab sama ada seseorang itu mahir atau kurang mahir di dalam bahasa berkenaan meskipun di luar solat adalah **tidak harus**.

Akan tetapi, tidak menjadi isu bagi mereka yang ingin membaca terjemahan al-Quran untuk memahami maksud bagi sesuatu ayat. Namun, membaca terjemahan tidak dianggap seperti membaca al-Quran kerana terjemahan tidak dianggap sebagai mashaf. Bahkan membaca al-Quran dalam bahasa Arab juga perlu ditekankan mengenai beberapa aspek yang penting bagi menjaga kemuliaan al-Quran itu sendiri seperti hukum tajwid, waqaf dan sifat bagi sesuatu huruf supaya terpelihara maknanya. Sesungguhnya perkara ini telah dinyatakan oleh Allah SWT dalam firman-Nya pada surah al-Muzammil, ayat 4:

وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلاً ؕ

Maksudnya: *“Dan bacalah al-Quran dengan Tartil.”*

Dalam tafsir Al-Mawardi, beliau menjelaskan bahawa membaca al-Quran secara tartil ialah membaca al-Quran mengikut susunan dan turutan tanpa mengubah lafaz serta tidak mendahulukan ayat yang akhir pada yang awal. Dengan kata lain, membaca al-Quran secara tertib dan mengikut hukum tajwid di dalam al-Quran.

Berbalik kepada isu bacaan dalam solat selain bahasa Al-Quran (Arab), jumhur ulama bersepakat bahawa **haram untuk membaca terjemahan al-Quran ketika dalam solat** sama ada ia mampu membaca bahasa Arab ataupun tidak hal ini seperti yang dijelaskan sebelum, iaitu terjemahan al-Quran tidak dikira sebagai mashaf. Al-Quran adalah perkataan mukjizat, iaitu kalamullah yang berbahasa Arab. Firman Allah dalam surah Fussilat, ayat 44:

وَلَوْ جَعَلْنَاهُ قُرْآنًا أَعْجَمِيًّا لَقَالُوا لَوْلَا فُصِّلَتْ آيَاتُهُ ۖ أَعْرَبِيٌّ وَعَرَبِيٌّ ۗ قُلْ هُوَ لِلَّذِينَ آمَنُوا هُدًى
وَشِفَاءٌ ۗ وَالَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ فِي آذَانِهِمْ وَقْرٌ وَهُوَ عَلَيْهِمْ عَمًى ۗ أُولَٰئِكَ يُنَادُونَ مِنْ مَّكَانٍ بَعِيدٍ

Maksudnya: *“Dan kalaulah al-Quran itu Kami jadikan (bacaan) dalam bahasa asing, tentulah mereka akan berkata: “Mengapa tidak dijelaskan ayat-ayatnya (dalam bahasa*

yang kami fahami)? Patutkah Kitab itu berbahasa asing sedang Rasul yang membawanya berbangsa Arab?" Katakanlah (wahai Muhammad): "Al-Quran itu, menjadi (cahaya) petunjuk serta penawar bagi orang-orang yang beriman; dan sebaliknya orang-orang yang tidak beriman, (Al-Quran itu) menjadi sebagai satu penyakit yang menyumbat telinga mereka (bukan penawar); dan ia juga merupakan gelap-gelita yang menimpa (pandangan) mereka (bukan cahaya yang menerangi). Mereka itu (dengan perbuatan melarikan diri daripada ajaran al-Quran, tidak ubahnya seperti) orang-orang yang diseru dari tempat yang jauh (masakan mereka dapat mendengar dengan betul atau melihat dengan nyata)."

Para ulama mengatakan ayat ini menyangkal dan membatalkan sesetengah pendapat seperti pendapat Abu Hanifah yang menyatakan bahawa boleh untuk menterjemahkan al-Quran, iaitu menggantikan bahasa Arab dengan bahasa Parsi. Kemukjizatannya, kata Ibnu 'Arabi, hanya boleh diungkapkan dengan bahasa Arab. Oleh sebab itu, seandainya al-Quran diganti dengan bahasa selain Arab, tentulah penggantinya itu tidak dinamakan al-Quran dan bayan, juga tidak mampu memunculkan kemukjizatan.

Menurut al-Hafiz Ibnu Hajar, salah seorang fuqaha Syafi'e, dalam Fathu al- Bari, jika seseorang sanggup membacanya dalam bahasa Arab, maka ia tidak boleh berpindah daripadanya. Dan solatnya tidak sah jika membaca terjemahan tersebut, sekalipun ia tidak sanggup membacanya dengan bahasa Arab.

Daripada mazhab Hanbali yang diwakili oleh Syaikhul Islam Ibnu Taymiyyah, mengatakan bahawa mendatangkan sesuatu lafaz untuk menjelaskan makna lafaz-lafaz al-Quran sama sekali adalah mustahil. Oleh itu, tokoh-tokoh ilmuwan sependapat, **tidak boleh membaca al-Quran dengan selain bahasa Arab, sama ada bagi yang mampu membaca dengannya mahupun bagi yang tidak mampu**, sebab penggantian itu akan menghilangkan kemurnian al-Quran sebagai kalamullah yang diturunkan daripada Allah."

Ibnu taymiyyah dalam kitabnya Iqtida as-Shirat al-Mustaqim, secara khas membicarakan perbezaan pendapat para fuqaha tentang bacaan-bacaan solat, bolehkah diucapkan dalam bahasa selain Arab atau tidak? Katanya:

"Al-Quran tidak boleh dibaca dengan selain bahasa Arab, sama ada bagi orang yang mampu mahupun bagi orang yang tidak mampu. Inilah pendapat yang benar dan tidak syak baginya menurut jumbuh ulama. Bahkan banyak yang berpendapat menolak menterjemahkan satu surah atau bahagian-bahagian al-Quran yang mengandungi kemukjizatan itu."

Agama mewajibkan umatnya agar mempelajari bahasa Arab kerana bahasa ini adalah bahasa al-Quran. Bahasa adalah kunci untuk memahaminya. Menurut Ibnu Taymiyyah dalam Al-Iqtida:

“Bahasa Arab itu termasuk sebahagian daripada agama, sedangkan mengetahuinya adalah sesuatu yang wajib kerana memahami kitab dan sunnah adalah fardu. Keduanya tidak dapat difahami melainkan dengan memahami bahasa Arab. Sesuatu kewajipan yang tidak dapat dijalankan secara sempurna kecuali dengannya, maka ia adalah wajib.”

PENUTUP

Sebagai penutup, mari kita lihat dalam surah Muhammad, ayat 24 berkenaan teguran Allah kepada mereka yang membaca al-Quran tetapi tidak berusaha memahami serta menghayati inti pati al-Quran sebagaimana firman Allah SWT:

أَفَلَا يَتَذَكَّرُونَ الْفُرَانَ أَمْ عَلَى قُلُوبٍ أَفْقَالُهَا

Maksudnya: (Setelah diterangkan yang demikian) maka adakah mereka sengaja tidak berusaha memahami serta memikirkan isi al-Quran? Atau telah ada di atas hati mereka kunci penutup (yang menghalangnya daripada menerima ajaran al-Quran)?

Oleh itu, mari sama-sama kita berusaha sedaya yang termampu untuk memahami setiap kalam Allah yang diturunkan kepada kita agar lebih memaknai kemanisan membaca al-Quran.

SESI KELIMA

TAFSIR DAN TAKWIL

1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta akan memahami secara ilmiah mengenai makna tafsir dan takwil serta pembahagiannya, dapat membezakan konsep tafsir dan takwil melalui penjelasan menggunakan ayat al-Quran serta mempelajari apakah kriteria serta akhlak yang diperlukan untuk menjadi seorang mufassir.

2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Definisi Tafsir dan Takwil
- Pembahagian tafsir
- Perbandingan Tafsir dan Takwil
- Syarat Menjadi Mufassir
- Akhlak Seorang Pentafsir

SESI KELIMA: TAFSIR DAN TAKWIL

PENDAHULUAN

Al-Quran adalah sebuah kitab yang menghimpunkan kalam-kalam Allah dalam memandu umat manusia untuk hidup berlandaskan syariat yang sebenar. Maka, umat manusia seharusnya menggunakan kesempatan untuk sentiasa bertaqul (berfikir) dan merenung mengenai apa yang dibicarakan oleh-Nya serta tidak menghafalnya sahaja. Firman Allah SWT:

كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَارَكٌ لِيَدَّبَّرُوا آيَاتِهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُوا الْأَلْبَابِ

Maksudnya: “(Al-Quran ini) sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad), Kitab yang banyak faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar.”

(Surah Sad 38: 29)

Ayat di atas menunjukkan bahawa kewajipan untuk mengetahui makna-makna di dalam al-Quran, ia juga menjelaskan bahawa membaca dan mempelajari al-Quran dengan tartil itu lebih baik daripada membaca dalam keadaan tergesa-gesa dan pemahaman yang singkat. Hal ini demikian kerana pemahaman tadabbur itu tidak akan diperoleh dengan cara yang tergesa-gesa.

Imam al-Tabari dalam Tafsir al-Tabari berpendapat bahawa mereka yang tidak menguasai ilmu alat bahasa Arab atau ilmu tafsir, tidak mengapa jika sekadar mengambil iktibar daripada terjemahan ayat al-Quran untuk dikaitkan dengan renungan kejadian masa kini. Kaedah ini bertepatan dengan suruhan Allah SWT agar kesemua manusia merenungi dan mengambil iktibar daripada al-Quran.

DEFINISI TAFSIR DAN TAKWIL

Tafsir dari Sudut Bahasa:

Tafsir berasal daripada perkataan bahasa Arab fasara, iaitu menjelaskan, menyingkap dan menampakkan atau menerangkan makna yang rasional.

Tafsir dari Sudut Istilah:

Imam al-Zarkasyi menyatakan ia sebagai satu bidang ilmu yang diketahui dengannya kefahaman berkenaan kitab Allah SWT yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW, dan penjelasan makna-maknanya, pengeluaran hukum-hakam dan hikmahnya. Hal ini memerlukan penguasaan ilmu bahasa Arab, nahu, sorof, bayan, usul al-fiqh, qira'at, asbab al-nuzul (sebab-sebab penurunan ayat al-Quran) dan al-nasikh wa al-mansukh.

Imam al-Suyuti menambah keperluan untuk ilmu yang berkaitan dengan turunnya sesuatu ayat dan persoalannya, kisah-kisahannya, sebab-sebab turunnya sesuatu ayat, mengetahui ayat-ayat Makki dan Madani, ayat-ayat muhkam dan mutasyabih, ayat-ayat yang khas dan am serta yang mutlak dan yang muqayyad. (Al-Itqan fi 'Ulum al-Qur'an, hlm. 544)

Menurut Imam al-Maturidi pula tafsir bermaksud penentuan (al-qath') makna tertentu bagi kehendak suatu ayat dan penyaksian dengan nama Allah SWT bahawa Dia berkehendak dengan ayat ini, dengan maksud sebagaimana yang ditafsirkan. (Rujuk al-A'lam, oleh Imam Khairuddin al-Zirkili 7/11)

Al-Zarqani berpendapat tafsir ialah suatu ilmu yang membahaskan tentang al-Quran al-Karim dari segi dilalahnya (yang berkenaan dengan pemahaman maknanya) terhadap kitab Allah SWT sesuai dengan kadar kemampuan manusia itu sendiri. Pengertian yang dibuat oleh al-Zarqani ini lebih jelas dan ringkas tetapi memberi gambaran yang menyeluruh mengenai maksud perkataan tafsir, iaitu dengan meletakkan tujuan utama tafsir adalah untuk menzahirkan hidayah al-Quran dan pengajarannya serta menerangkan maksud yang dikehendaki oleh Allah SWT.

Takwil dari Sudut Bahasa:

Takwil terbahagi kepada tiga pengertian:

- I. Berasal daripada perkataan (الأول) yang bermaksud kembali.
- II. Berasal daripada perkataan (المأل) yang bermaksud memalingkan, maka takwil ialah memalingkan ayat kepada makna-makna lain yang lebih tepat pada maksud yang dikehendaki.
- III. Berasal daripada perkataan (الايالة) yang bermaksud kepakaran, seolah-olah pada lafaz tertentu ia memerlukan kepada siasah atau kepakaran yang tinggi untuk menemukan makna-maknanya yang tepat.

Takwil dari Sudut Istilah:

Atas dasar ini, maka takwil al-kalam mempunyai dua makna:

- I. Takwil kalam bermaksud sesuatu perkataan yang diucapkan sendiri, sama ada ucapan itu dalam bentuk **permintaan** الإنشاء atau **perkhabaran** الإخبار.

Takwil al-Amr:

Sekiranya perkataan itu dalam bentuk permintaan seperti suruhan (الأمر) supaya membuat sesuatu, maka perbuatan yang disuruh itulah yang dinamakan takwil bagi suruhan tersebut.

Misalnya: Hadis yang diriwayatkan oleh Aisyah r.ha.:

كان رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول في ركوعه وسجوده سبحانك اللهم وبحمدك اللهم اغفر لي، يتأول
القرأ

Maksudnya: Hadis riwayat Aisyah r.ha. menjelaskan bahawa Nabi Muhammad ﷺ sering membaca doa “Subhanakallahumma Rabbana wa bihamdika, Allahummaghfir li” (Maha Suci Engkau ya Allah, Tuhan kami, dan dengan segala puji bagi-Mu, ya Allah ampunilah aku) saat rukuk dan sujud sebagai bentuk pelaksanaan perintah al-Quran.

Ayat 3 surah an-Nasr merupakan takwilan daripada hadis di atas:

فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ وَأَسْتَغْفِرْهُ إِنَّهُ كَانَ تَوَّابًا

Maksudnya: *Maka bertasbihlah dengan menuju Tuhanmu dan mohonlah ampun kepada-Nya. Sesungguhnya Dia Maha Penerima taubat.*

Takwil Ikhbar:

Sekiranya perkataan itu dalam bentuk perkhabaran mengenai sesuatu, maka perkara yang dikhabarkan itulah yang dinamakan takwil bagi perkhabaran tersebut. Seperti dalam surah al-A'raf ayat 53-54:

هَلْ يَنْظُرُونَ إِلَّا تَأْوِيلَهُ ۚ يَوْمَ يَأْتِي تَأْوِيلَهُ يَقُولُ الَّذِينَ نَسُوهُ مِنْ قَبْلُ قَدْ جَاءَتْ رُسُلًا مِنَّا بِالْحَقِّ فَأَهْل
لَنَا مِنْ شُفَعَاءَ فَيَشْفَعُوا لَنَا أَوْ نُرَدُّ فَنَعْمَلْ غَيْرَ الَّذِي كُنَّا نَعْمَلُ ۚ قَدْ خَسِرُوا أَنفُسَهُمْ وَضَلَّ عَنْهُمْ مَا كَانُوا
يَفْتَرُونَ ۝ ٥٣ إِنَّ رَبَّكُمْ اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ اسْتَوَىٰ عَلَى الْعَرْشِ يُغْشَىٰ اللَّيْلَ
النَّهَارَ يَطْلُبُهُ حَثِيثًا وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ وَالنُّجُومَ مُسَخَّرَاتٍ بِأَمْرِهِ ۗ أَلَا لَهُ الْخَلْقُ وَالْأَمْرُ ۗ تَبَارَكَ اللَّهُ رَبُّ
الْعَالَمِينَ ٥٤

Maksudnya: *Tidak ada perkara yang mereka tunggu-tunggukan melainkan akibat atau kesudahan (apa yang telah dijanjikan oleh Allah di dalam al-Quran), pada hari datangnya apa yang telah dijanjikan di dalam al-Quran itu (pada hari kiamat kelak), berkatalah orang-orang yang telah melupakannya (yang tidak menghiraukannya di dalam dunia) dahulu: “Sesungguhnya telah datang Rasul-rasul Tuhan kami dengan membawa kebenaran, maka adakah untuk kami pemberi syafaat supaya mereka memberi syafaat bagi kami atau (bolehkah) kami dikembalikan (ke dunia) supaya kami dapat beramal, lain daripada apa yang kami telah kerjakan?” Sesungguhnya mereka telah merugikan diri mereka sendiri dan telah lenyaplah daripada mereka perkara-perkara yang mereka ada-adakan dahulu (53) Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah yang menciptakan langit dan bumi dalam enam masa, lalu Ia bersemayam di atas Arasy; Ia melindungi malam dengan siang yang mengiringinya dengan deras (silih berganti) dan (Ia pula yang menciptakan) matahari dan bulan serta bintang-bintang, (semuanya) tunduk kepada perintah-Nya. Ingatlah, kepada Allah jualah tertentu urusan menciptakan (sekalian makhluk) dan urusan pemerintahan. Maha Suci Allah yang mencipta dan mentadbirkan sekalian alam (54).*

Dalam ayat ini, Allah menceritakan bahawa Dia telah menjelaskan Kitab secara terperinci dan mereka menunggu-nunggu kecuali takwilnya, iaitu datangnya apa yang diberitakan

al-Quran bahawa itu akan berlaku seperti hari kiamat dan tanda-tandanya serta segala apa yang ada di akhirat berupa buku catatan amal (suhuf), timbangan amal (mizan), syurga, neraka dan sebagainya. Maka pada saat itulah, mereka mengatakan: “Sesungguhnya telah datang rasul-rasul Tuhan Kami membawa yang haq, maka adakah bagi kami pemberi syafaat yang akan memberikan syafaat kepada kami, atau dapatkah kami dikembalikan (ke dunia) sehingga kami boleh beramal yang lain daripada yang pernah kami amalkan?”

II. Takwil kalam bererti mentafsirkan dan menjelaskan makna dan inilah yang dimaksudkan oleh at-Thabari dalam kitab tafsirnya.

Pengertian Takwil menurut ulama muta’akharin (متأخرين) menukar atau mengalih makna sesuatu lafaz daripada maknanya yang راجح (jelas) kepada makna yang مرجوح (tidak jelas) disebabkan terdapatnya dalil yang menyokongnya. Definisi ini tidak bertepatan dengan apa yang dimaksudkan oleh golongan Salaf tentang lafaz “takwil” di dalam al-Quran.

PEMBAHAGIAN TAFSIR

Berikut dijelaskan jenis tafsir yang digunakan oleh para mufassirin (ulama tafsir):

Pertama: Tafsir Bil Ma’thur

Dimaksudkan dengan tafsir bil ma’thur ini ialah tafsiran menggunakan al-Quran, al-Sunnah dan pendapat-pendapat para sahabat serta tabi’in.

Kedua: Tafsir dengan Ijtihad (Al-Ra’yi)

Dalam kategori ini, yang dimaksudkan dengan tafsir bil ra’yi ialah perbuatan mentafsirkan al-Quran dengan menggunakan ijtihad. Iaitu tafsir al-Quran dengan ijtihad setelah mufassir (individu yang mentafsir) mengetahui bahasa Arab, mengetahui lafaz-lafaz Arab serta wajah al-dilalahnya, mengetahui asbab al-nuzul (sebab-sebab penurunan ayat), nasikh dan mansukh dan seumpamanya.

Kami nyatakan di sini bahawa dalam kategori tafsir yang kedua ini terpecah kepada dua jenis yang berikut:

1) Tafsir Bil Ra'yi yang Datang Melalui Individu yang Layak

Secara asasnya, para ulama telah menyebutkan beberapa syarat yang perlu ada untuk melayakkan seseorang itu mentafsir al-Quran, iaitu dia hendaklah menguasai ilmu-ilmu seperti bahasa Arab, nahu dan sorof, ilmu balaghah, ilmu qiraat, usuluddin, fiqh, usul fiqh, asbab al-nuzul, nasikh dan mansukh, ilmu hadis serta beberapa cabang ilmu yang berkaitan dengan al-Quran.

Hakikatnya, kategori tafsir dengan ijtihad atau ra'yu di sini adalah dibolehkan. Hal ini demikian kerana Allah SWT telah memerintahkan untuk tadabbur al-Quran. Ia berdasarkan firman-Nya dalam surah Sad, ayat 29:

كَتَبَ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَارَكًا لِيَدَّبَّرُوا آيَاتِهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابِ

Maksudnya: *(Inilah) Kitab yang telah Kami turunkan kepada kamu (wahai Muhammad) supaya mereka mentadabbur ayat-ayatnya dan supaya golongan Ulul Albab mengambil peringatan.*

Begitu juga apabila kita melihat para sahabat Nabi SAW saling berbeza pendapat terhadap beberapa tafsiran ayat al-Quran. Sekiranya ijtihad dan nazhor (penelitian) terhadap ayat-ayat al-Quran itu dilarang, nescayalah para sahabat telah melakukan maksiat. Ini mustahil berlaku kerana mereka telah dijamin keredhaan daripada Allah SWT.

2) Tafsir Bil Ra'yi daripada Individu yang Tiada Kelayakan

Perbuatan mentafsirkan al-Quran dengan menggunakan pendapat sendiri dalam keadaan seseorang itu tidak layak, termasuk dalam kategori berkata ke atas Allah SWT tanpa ilmu (علم بغير الله على القول). Hal ini dilarang oleh al-Quran melalui firman Allah dalam surah al-Baqarah, ayat 169:

إِنَّمَا يَأْمُرُكُم بِالسُّوءِ وَالْفَحْشَاءِ وَأَنْ تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya: *Sesungguhnya ia (syaitan) menyuruh kamu melakukan perkara yang buruk lagi keji. Serta menyuruh kamu berkata kepada Allah SWT akan sesuatu yang kamu tidak ketahui.*

Demikian juga terdapat sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Abbas r.a. yang jelas menunjukkan kepada keharaman hal ini. Rasulullah SAW bersabda dalam hadits Riwayat al-Tirmizi (2951):

وَمَنْ قَالَ فِي الْقُرْآنِ بِرَأْيِهِ، فَلْيَتَّبِعُوا مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ

Maksudnya: *Sesiapa yang berkata sesuatu pada al-Quran dengan menggunakan pendapatnya sendiri, maka bersiap sedialah tempatnya di dalam neraka.*

Seperti yang diketahui, apabila disertakan hukuman ke atas sesuatu perbuatan, itu menunjukkan bahawa ia adalah perkara yang haram.

Demikian juga terdapat beberapa atsar daripada para sahabat yang menegaskan larangan terhadap perbuatan ini. Kata Abu Hurairah r.a.:

من فسر القرآن على رأيه فإن أصاب لم يؤجر وإن أخطأ محي النور من قلبه

Maksudnya: *Sesiapa yang menafsirkan al-Quran menurut pendapatnya sendiri, sekiranya (tafsiran) itu betul, dia tidak akan mendapat pahala. Sekiranya tafsiran tersebut silap, akan dipadamkan cahaya dari jantung hatinya.*

PERBANDINGAN TAFSIR & TAKWIL

Jika dilihat berdasarkan konteks ayat-ayat al-Quran, pentafsiran ialah satu proses penjelasan dan penghuraian terhadap hasil makna terjemahan sebelum ini.

- Tafsir lebih merujuk kepada penghuraian terhadap maksud terjemahan yang tersurat. Manakala takwil ialah satu proses penjelasan dan penghuraian “tersirat” terhadap hasil makna terjemahan dan tafsiran yang sedia ada.
- Al-Raghib al-Asfahani (1981: 47-49) menyebut bahawa tafsir itu lebih umum daripada takwil. Tafsir ialah huraian terhadap sesuatu susunan perkataan, sedangkan takwil itu ialah huraian terhadap sesuatu susunan ayat.

Antara beberapa perbandingan antara tafsir dan takwil seperti keterangan berikut:

- i. Abu Mansur al-Maturidi menyebut bahawa tafsir itu ialah penjelasan terhadap ayat-ayat al-Quran berdasarkan huraian dan dalil-dalil yang disepakati oleh para ulama. Manakala takwil itu ialah penjelasan terhadap ayat-ayat al-Quran berdasarkan huraian dan dalil-dalil yang tidak disepakati oleh para ulamanya.

ii. Abu Talib al-Thaalabi menjelaskan bahawa tafsir itu ialah penelitian huraian terhadap maksud ayat-ayat al-Quran yang tersurat. Sedangkan takwil itu ialah penelitian huraian terhadap maksud ayat-ayat al-Quran yang tersirat.

iii. Al-Baghawi dan al-Kawashi pula menyebut bahawa tafsir itu ialah penjelasan terhadap makna zahir ayat-ayat al-Quran semata-mata. Manakala takwil itu ialah penjelasan yang melangkau makna zahir tersebut kepada maksud yang lain.

iv. Al-Alusi menyatakan bahawa tafsir itu ialah penghuraian terhadap makna yang hampir dengan sesuatu ayat, sedangkan takwil itu ialah penghuraian terhadap makna yang jauh dengan sesuatu ayat berdasarkan penelitian yang mendalam terhadapnya.

Bil.	Tokoh	Tafsir	Takwil
1.	Abu Mansur al-Maturidi	Berdasarkan huraian dan dalil-dalil yang disepakati oleh para ulama tafsir.	Berdasarkan huraian dan dalil-dalil yang tidak disepakati oleh para ulama tafsir.
2.	Abu Talib al-Tha ^l alabi	Penelitian huraian terhadap maksud ayat-ayat al-Quran yang tersurat.	Penelitian huraian terhadap maksud ayat-ayat al-Quran yang tersirat.
3.	Al-Baghawi dan al-Kawashi	Tumpuan kepada makna zahir ayat-ayat al-Quran semata-mata.	Melangkau makna zahir ayat kepada maksud lain.
4.	Al-Alusi	Penghuraian terhadap makna yang hampir dengan sesuatu ayat.	Penghuraian terhadap makna yang jauh dengan sesuatu ayat.

Sebagai contoh, kita lihat dalam surah an-Nasr ayat 1:

إِذَا جَاءَ نَصْرُ اللَّهِ وَالْفَتْحُ

Maksudnya: “Apabila datang pertolongan Allah dan kemenangan (semasa engkau wahai Muhammad berjaya menguasai negeri Makkah).”

ii. Tafsir:

Apabila Allah membantumu wahai Muhammad dengan memberikan “pertolongan” untuk menewaskan orang-orang kafir Quraisy dan memberikan “kemenangan” untuk kembali menguasai Kota Mekah.

iii. Takwil:

Ibn Abbas menyebutkan bahawa ayat ini merupakan sebahagian daripada tanda tibanya hari kewafatan Nabi SAW. Hal ini demikian kerana apabila Islam sudah mendapat kemenangan, bererti agama ini sudah sempurna. Apabila agama ini sudah sempurna, bererti tugas Rasulullah SAW akan selesai. Apabila tugas Baginda SAW selesai, bererti Baginda SAW akan kembali menghadap Allah SWT, iaitu wafat.

Takwil ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas seperti berikut:

كَانَ عُمَرُ يُدْخِلُنِي مَعَ أَشْيَاحِ بَدْرٍ، فَكَأَنَّ بَعْضَهُمْ وَجَدَ فِي نَفْسِهِ، فَقَالَ: لِمَا تُدْخِلُ هَذَا مَعَنَا وَلَنَا أَبْنَاءَ مِثْلِهِ؟ فَقَالَ عُمَرُ: إِنَّهُ مِنْ حَيْثُ عَلِمْتُمْ، فَدَعَا ذَاتَ يَوْمٍ فَأَدْخَلَهُ مَعَهُمْ، فَمَا رَيْتُ أَنَّهُ دَعَانِي يَوْمَئِذٍ إِلَّا لِيُرِيَهُمْ، قَالَ: مَا تَقُولُونَ فِي قَوْلِ اللَّهِ تَعَالَى: إِذَا جَاءَ نَصْرُ اللَّهِ وَالْفَتْحُ؟ فَقَالَ بَعْضُهُمْ: أَمَرْنَا أَنْ تَحْمَدَ اللَّهَ وَتَسْتَغْفِرَهُ إِذَا نَصَرْنَا وَفُتِحَ عَلَيْنَا، وَسَكَتَ بَعْضُهُمْ فَلَمْ يَقُلْ شَيْئًا، فَقَالَ لِي: أَكْذَابُكَ تَقُولُ يَا ابْنَ عَبَّاسٍ؟ فَقُلْتُ: لَا. قَالَ: فَمَا تَقُولُ؟ قُلْتُ: هُوَ أَجَلُ رَسُولِ اللَّهِ، أَعْلَمَهُ لَهُ، قَالَ: إِذَا جَاءَ نَصْرُ اللَّهِ وَالْفَتْحُ وَذَلِكَ عِلْمُهُ أَجَلُكَ فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ وَاسْتَغْفِرْهُ إِنَّهُ كَانَ تَوَابًا فَقَالَ عُمَرُ: مَا أَعْلَمُ مِنْهَا إِلَّا مَا تَقُولُ.

Maksudnya: Umar al-Khattab r.a. pernah membawaku duduk bermuzakarah dengan panglima-panglima dalam “Peperangan Badr” yang lalu. Sebahagian mereka kehairanan lalu bertanya, “Kenapa engkau membawanya duduk bersama-sama dengan kami? Umurnya sebaya dengan anak-anak kecil kami yang lain.” Umar pun menjawab, “Bukankah kamu sudah tahu ketinggian ilmunya?” Kemudian, Umar membawaku sekali lagi pada hari yang lain. Aku menyangka pada kali itu beliau ingin menunjukkan keistimewaan yang aku miliki tersebut. Lalu, Umar berkata apa pandangan kamu semua terhadap firman Allah Taala yang berbunyi *إِذَا جَاءَ نَصْرُ اللَّهِ وَالْفَتْحُ*? Sebahagian mereka menjawab, “Kami diperintahkan oleh Allah untuk memanjatkan kesyukuran dan memohon keampunan kepada-Nya apabila tiba hari kemenangan yang dijanjikan oleh-Nya itu. Sebahagian yang lain pula senyap, lalu Umar bertanya kepadaku, “Begitukah juga pandanganmu, wahai Ibn Abbas?” Aku menjawab, “Tidak.” “Justeru apa pendapatmu?” Kata Umar. Aku berkata, “Itu sebenarnya sebahagian tanda bahawa Nabi SAW akan wafat tidak lama lagi”.

SYARAT MENJADI MUFASSIR

Para ulama telah menyebutkan syarat-syarat yang harus dimiliki oleh setiap mufassir, secara ringkasnya seperti berikut:

- 1) Mempunyai akidah yang benar kerana akidah memiliki pengaruh yang besar terhadap jiwa pemiliknya. Akidah yang terpesong seringkali mendorongnya untuk mengubah nas-nas dan tidak jujur dalam penyampaian berita. Apabila seseorang menyusun sebuah kitab tafsir, maka ditakwilkannya dengan ayat-ayat yang bercanggah dengan akidahnya, kemudian membawanya kepada mazhabnya yang batil dengan matlamat memalingkan orang-orang daripada mengikuti golongan salaf dan daripada jalan petunjuk.
- 2) Bersih daripada hawa nafsu. Hawa nafsu akan mendorong pemiliknya untuk membela kepentingan mazhabnya sehingga ia menipu dan memanipulasi manusia dengan kata-kata dan penjelasan menarik seperti yang dilakukan oleh kelompok Qadariyah, Syiah Rafidah, Muktazilah dan para penyokong fanatik mazhab sejenis lainnya.
- 3) Mentafsirkan terlebih dahulu al-Quran dengan al-Quran kerana sesuatu yang masih bersifat am pada satu tempat telah dijelaskan secara terperinci di tempat lain dan sesuatu yang dikemukakan secara ringkas di suatu tempat telah pun dihuraikan di tempat lain.
- 4) Mencari pentafsiran daripada sunnah kerana sunnah berfungsi sebagai pentafsir al-Quran dan penjelasannya. Al-Quran telah menegaskan bahawa ketetapan hukum Rasulullah bersumber daripada Allah. Surah an-Nisa' ayat 105:

إِنَّا أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ لِتَحْكُمَ بَيْنَ النَّاسِ بِمَا أَرَاكَ اللَّهُ ۗ وَلَا تَكُنْ لِلْخَائِنِينَ خَصِيمًا

Maksudnya: *Sesungguhnya Kami menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab (Al-Quran) dengan membawa kebenaran supaya engkau menghukum di antara manusia menurut apa yang Allah telah tunjukkan kepadamu (melalui wahyu-Nya); dan janganlah engkau menjadi pembela bagi orang-orang yang khianat.*

Di sini, Allah menyatakan bahawa sunnah merupakan penjelasan bagi Kitab. Surah an-Nahl, ayat 44:

بِالْبَيِّنَاتِ وَالزُّبُرِ ۗ وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ

Maksudnya: *(Kami utuskan Rasul-rasul itu) membawa keterangan-keterangan yang jelas nyata (yang membuktikan kebenaran mereka) dan Kitab-kitab Suci (yang menjadi panduan); dan kami pula turunkan kepadamu (wahai Muhammad) al-Quran yang memberi peringatan supaya engkau menerangkan kepada umat manusia akan apa yang telah diturunkan kepada mereka dan supaya mereka memikirkannya.*

Rasulullah dalam sabdanya yang bermaksud: “Ketahuilah bahawa telah diberikan kepadaku al-Quran dan bersamanya pula sesuatu yang sama dengannya, iaitu sunnah.”

Terkait dengan isu ini, Imam Syafi'i berkata:

Segala sesuatu yang ditetapkan Rasulullah adalah hasil pemahamannya terhadap al-Quran. Contoh-contoh pentafsiran al-Quran dengan sunnah ini cukup banyak jumlahnya. Penulis al-Itqan telah mencatatnya secara tertib bersama surah-surah yang ditafsirkannya dalam bab terakhir kitabnya. Misalnya pentafsiran as-sabil dengan wa ar-rahilah (bekal dan kenderaan), az-zulm (kezaliman) dengan as-syirk (kemusyrikan) dan al-hisab al-yasir (hisab yang ringan) dengan al-'ard.

5) Pengetahuan bahasa Arab yang baik kerana al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab. Pemahaman yang baik terhadap al-Quran amatlah bergantung pada mufradat, lafaz-lafaz dan pengertian-pengertian yang ditunjukkannya sesuai dengan struktur kalimat. Makna sesuatu kata itu berbeza-beza disebabkan perbezaan i'rab (fungsi kata dalam kalimat). Maka atas dasar ini sangat diperlukan pengetahuan tentang ilmu nahu dan ilmu tasrif, yang mana dengan ilmu ini akan diketahui bentuk-bentuk dan perubahan kata. Sebuah kata yang masih samar maknanya akan menjadi lebih jelas dengan mengetahui kata dasar (masdar) dan bentuk kata turunnya (musytaq). Demikian juga pengetahuan tentang kelebihan suatu susunan kalimat dilihat dari segi penentuannya kepada makna, dari segi perbezaan maksudnya sesuai dengan penjelasan atau kesamaran penentuan makna dan daripada sisi keindahan susunan kalimat yakni tiga cabang ilmu balaghah sepertimana: ma'ani, bayan, dan badi. Kesemua itu merupakan syarat penting yang harus dimiliki seorang mufassir kerana dalam tafsir harus mengambil

berat atau menyelami maksud-maksud kemukjizatan al-Quran sedangkan kemukjizatan tersebut hanya dapat diketahui dengan ilmu-ilmu ini.

6) Pengetahuan tentang asas-asas ilmu yang berkaitan erat dengan al-Quran seperti ilmu qira'ah kerana dengan ilmu ini dapat diketahui bagaimana cara mengucapkan (lafaz-lafaz) al-Quran dan dapat memilih mana yang lebih kuat di antara pelbagai ragam bacaan yang diperkenankan; ilmu tauhid dengan ilmu ini diharapkan mufassir tidak mentakwilkan ayat-ayat yang berkenaan dengan hak Allah dan sifat-sifat-Nya secara tidak betul sehingga melampaui hak-Nya; mengetahui ilmu usul terutama usul at-tafsir dan mendalami kaedah-kaedah yang dapat memperjelaskan sesuatu makna daripada maksud-maksud al-Quran seperti pengetahuan tentang asbab an-nuzul, nasikh mansukh dan sebagainya.

AKHLAK SEORANG PENTAFSIR

I. Berniat baik dan memiliki matlamat yang benar kerana amal perbuatan itu bergantung kepada niat. Golongan yang berada dalam bidang ini iaitu skop syariah hendaklah mempunyai matlamat dan azam dalam membina kemaslahatan umat, berkhidmat untuk agama dan membersihkan diri daripada matlamat-matlamat dunia agar Allah SWT memudahkan jalannya dalam menyebarkan syiar dan dakwah Islam.

II. Berakhlak mulia kerana mufassir umpama seorang pendidik. Pengajaran yang diberikan itu tidak akan berkesan ke dalam jiwa jika ia tidak menjadi teladan dalam akhlak dan perbuatan mulia. Kata-kata yang kurang baik kadang-kadang menyebabkan pelajar tidak mahu mengambil manfaat daripada apa-apa sahaja yang didengar dan dibacanya, bahkan kadang-kadang dapat membuatkan mereka malas berfikir

III. Taat dan beramal. Ilmu akan lebih dapat diterima melalui orang yang mengamalkannya daripada yang hanya hebat dalam teori dan konsep. Dan perbuatan mulia akan menjadikan mufassir sebagai teladan yang baik bagi pengamalan masalah-masalah agama yang ditetapkannya. Seringkali manusia menolak untuk menerima ilmu daripada orang yang luas pengetahuannya hanya kerana orang tersebut berperilaku buruk tidak mengamalkan ilmunya.

IV. Jujur dan cermat dalam periwayatan. Ia tidak berbicara atau menulis kecuali setelah menyelidiki apa yang diriwayatkannya. Dengan cara ini, ia akan terhindar daripada kesalahan dan kekeliruan.

V. Tawaduk dan lemah lembut kerana kesombongan ilmiah merupakan satu dinding yang kukuh yang dapat menghalang antara orang alim dengan faedah ilmunya.

VI. Berani dalam menyampaikan kebenaran kerana jihad paling utama adalah menyampaikan kalimat yang haq di hadapan penguasaan yang zalim.

PENUTUP

Terdapat hadis yang juga diriwayatkan daripada Ibn Abbas r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ قَالَ فِي الْقُرْآنِ بِغَيْرِ عِلْمٍ فَلْيَتَّبِعُوا مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ

Maksudnya: *Sesiapa yang berkata sesuatu berkenaan al-Quran tanpa ilmu, maka bersiap sedia tempatnya di dalam neraka.*

(Riwayat al-Tirmizi)

Semoga kita terhindar daripada menjadi golongan yang berbahas mengenai isi kandungan al-Quran tanpa ilmu serta kaedah yang benar yang telah ditetapkan.

RUJUKAN

Arab

- I. Mabahith fi ulumul Quran ditulis oleh Sheikh Manna al Qattan
- II. Al-Itqan fi Ulumul Quran Karangan 'Allamah Jalaluddin Suyuti.
- III. التبيان في أقسام القرآن - الإمام ابن قيم الجوزية

Melayu

Dr. Abdul Wahid Salleh, Dr. Firdaus Khairi bin Abdul Kadir & Ahmad Mubarak bin AB Razak. *Pengenalan Pengajian Ulum Quran.*